

**SEJARAH PENDIDIKAN  
PADA ZAMAN**

# **RASULULLAH S.A.W.**

**ANISAH BAHYAH HAJI AHMAD**

**Cetakan terhad.**

Dapatkan versi e-buku,

lebih cepat dengan

harga murah melalui portal

[www.karyanet.com.my](http://www.karyanet.com.my)



# **SEJARAH PENDIDIKAN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W**

**ANISAH BAHYAH HAJI AHMAD**

Buku ini diterbitkan di portal KaryaNet ([www.karyanet.com.my](http://www.karyanet.com.my)), iaitu portal penerbitan dalam talian yang menawarkan aktiviti penulisan, penerbitan dan pemasaran melalui internet. Layari portal di atas, klik E-Penulisan dan daftar sebagai penulis, atau klik E-Produk untuk membeli e-buku dengan harga yang murah. Pembayaran boleh dibuat menerusi; Cek, Kiriman Wang, Wang Pos, dan akaun **Maybank2u.com.**

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KUALA LUMPUR  
2006**

Cetakan Pertama 2006  
© Anisah Bahyah Haji Ahmad 2006

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anisah Bahyah Haji Ahmad

Sejarah pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w / Anisah Bahyah Haji Ahmad.

Bibliografi: hlm. 101

ISBN 983-62-8786-8

1. Muhammad, prophet, d.632. 2. Islamic education--Study and teaching  
--Early works to 1800. I. Judul.

297.07

# DEDIKASI

*Suamiku Badrul Hisham peniup semangat  
jiwaku  
Puteraku Ahmad Ihtisyam Ahsani penyeri  
hidupku  
Puteraku Muhammad Isyhraq Ahnaf permata  
hatiku  
Ayahanda Haji Ahmad dan bonda Hajah Husna  
yang dikasihi  
Adinda-adindaku Izzah dan Shahirah yang  
disayangi  
Sahabat-sahabat seperjuangan  
Dan pencinta-pencinta ilmu Islam*

# KANDUNGAN

|                                                |     |
|------------------------------------------------|-----|
| <b>DEDIKASI</b>                                | III |
| <b>PRAKATA</b>                                 | VII |
| <b>PENGHARGAAN</b>                             | IX  |
| <b>BAB 1</b>                                   |     |
| PENGERTIAN DAN KONSEP PENDIDIKAN ISLAM         | 1   |
| Pengertian Pendidikan                          | 2   |
| Pendidikan Islam                               | 5   |
| Kepelbagaian konsep Pendidikan Islam           | 8   |
| Matlamat Pendidikan Islam                      | 15  |
| <b>BAB 2</b>                                   |     |
| METODOLOGI RASULULLAH S.A.W DALAM PEMBELAJARAN | 19  |
| Metodologi pembelajaran berbentuk sehal        | 21  |

|                                                |    |
|------------------------------------------------|----|
| Metodologi Syarahan                            | 21 |
| Metodologi Pembacaan dan Penulisan             | 23 |
| Metodologi Hafalan                             | 26 |
| Metodologi pembelajaran berbentuk dua hala     | 26 |
| Metodologi Soal-Jawab                          | 27 |
| Metodologi Penceritaan                         | 28 |
| Metodologi Perbahasan                          | 29 |
| Metodologi Diskusi                             | 31 |
| Metodologi berbentuk amali                     | 32 |
| <b>BAB 3</b>                                   |    |
| SEJARAH PENDIDIKAN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W | 35 |
| Sepintas lalu pendidikan pada zaman Jahiliah   | 37 |
| Penurunan al-Qur'an sebagai sumber utama       | 48 |
| Sunnah sebagai sumber kedua                    | 52 |
| Pendidikan semasa di Mekah                     | 58 |
| Pendidikan semasa di Madinah                   | 71 |

## **BAB 4**

|                                                        |    |
|--------------------------------------------------------|----|
| KEBERKESANAN PENDIDIKAN PADA<br>ZAMAN RASULULLAH S.A.W | 85 |
|--------------------------------------------------------|----|

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Penghayatan melalui tauhid dan ibadah | 86 |
|---------------------------------------|----|

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| Pembinaan sahsiah para sahabat | 88 |
|--------------------------------|----|

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| Kewujudan pembelajaran al-Qur'an<br>dan hadis | 91 |
|-----------------------------------------------|----|

|                   |    |
|-------------------|----|
| <b>KESIMPULAN</b> | 97 |
|-------------------|----|

|                    |     |
|--------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 101 |
|--------------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 108 |
|-----------------|-----|

## PRAKATA

Buku sejarah yang bertajuk *Sejarah Pendidikan Pada Zaman Rasulullah s.a.w* ini meninjau keberkesanan sistem pendidikan yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah s.a.w terhadap kehidupan masyarakat ketika itu. Proses pendidikan ini bermula dengan penurunan wahyu pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui Jibril di Gua Hira'. Penekanan diberikan terhadap konsep pendidikan Islam berpaksikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai landasan mendidik masyarakat berilmu dan bertakwa. Penulis telah membahagikan perkembangan ini kepada dua era iaitu era sebelum penghijrahan di Mekah dan era selepas berlakunya penghijrahan ke Madinah. Kedua-dua zaman ini memperlihatkan perbezaan sistem pendidikan terutama dari perspektif *ruhi dan maddi*. Walaupun zaman di Madinah memperlihatkan kejayaan lebih besar berbanding di Mekah, namun, kedua-dua zaman ini telah membawa implikasi yang positif terhadap perkembangan Islam keseluruhannya. Faktor metodologi dalam pendidikan juga dititikberatkan oleh penulis sebagai penentu kejayaan dalam sejarah pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w dalam membina sebuah peradaban yang unggul dan sahsiah yang tinggi seperti yang dimiliki oleh para sahabat dan tabiin pada zaman yang lampau. Buku ini ditulis berasaskan sumber rujukan



primer dan sekunder yang bukan sahaja boleh dijadikan panduan oleh ahli akademik atau pelajar tetapi juga mereka yang mencintai ilmu-ilmu Islam.

**ANISAH BAHYAH HAJI AHMAD,  
KOLEJ POLY-TECH MARA ,  
BATU PAHAT,  
JOHOR DARUL TAKZIM.**

## PENGHARGAAN

Awal kalam, syukur ke hadrat Allah dengan limpah rahmat dan taufik-Nya penulis berjaya menyiapkan buku ini dalam jangka masa yang dirancang. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan buat Dr. Kamaruzzaman Yusof atas segala bimbingan dan komitmen yang dihulurkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia terutamanya Dr. Nabir Abdullah atas segala didikan yang telah beliau curahkan. Tidak dilupakan juga penulis berterima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka atas kesediaan menerbitkan buku ini. Dan juga orang perseorangan yang turut membantu penerbitan buku ini. Hanya Allah jua yang dapat membalas segala kebaikan. *Amin ya rabbal 'alamin.*

**ANISAH BAHYAH HAJI AHMAD,  
KOLEJ POLY-TECH MARA,  
BATU PAHAT,  
JOHOR DARUL TAKZIM.**

# **BAB 1**

## **PENGERTIAN DAN KONSEP PENDIDIKAN ISLAM**

Pendidikan merupakan perkara penting untuk mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan hidup manusia. Ia menjadi asas dalam membina ilmu pengetahuan bagi membentuk diri dan masyarakat yang lebih dinamik serta terdidik dari sudut fizikal dan spiritual. Oleh itu, pendidikan dari perspektif Islam mempunyai pengertian yang mendalam dan menyeluruh yang merangkumi proses melatih akhlak, jasmaniah dan ruhaniah yang berasaskan ajaran al-Qur'an dan hadis sebagai pegangan utama kehidupan.

Kepelbagaian konsep dalam pendidikan Islam turut dilihat sebagai faktor utama dalam melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Konsep tersebut menjadi penggerak utama dalam mencapai matlamat pendidikan iaitu membentuk manusia yang mempunyai cita-cita dan falsafah hidup yang tersendiri yang berperanan sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini, sekali gus mewujudkan masyarakat yang progresif dan bertamadun seperti yang digariskan oleh Islam.

## PENGERTIAN PENDIDIKAN

Pendidikan merupakan suatu proses berterusan yang mengandungi unsur-unsur pengajaran, latihan, bimbingan dan pimpinan dengan tumpuan khas kepada pemindahan pelbagai ilmu, nilai agama dan budaya serta kemahiran yang berguna untuk diaplikasikan oleh individu (pengajar atau pendidik) kepada individu yang memerlukan pendidikan itu. Justeru, pendidikan itu merujuk kepada manusia sebagai objek utama dalam proses pendidikan.

Dalam hal ini, pelbagai definisi diberikan berhubung istilah pendidikan. Antaranya ialah pandangan pakar pendidikan dari Amerika iaitu John Dewey,<sup>1</sup> Prof. Horne,<sup>2</sup> Herbert Spencer,<sup>3</sup> Jean Jacques

---

<sup>1</sup> John Dewey berpandangan bahawa pendidikan ialah satu proses membentuk kecenderungan asas yang berupa akliah dan perasaan terhadap alam dan manusia. Lihat Abdul Halim el-Muhammady, Januari 1984. *Pendidikan Islam Skop Dan Matlamatnya*, Jurnal Pendidikan, Tahun 1, bil. 1, ABIM, Selangor, hlm.10 dan lihat juga John Dewey, 1910. *Democracy and Education*, Mac Millan & Co., New York, hlm. 1-2.

<sup>2</sup> Beliau juga merupakan tokoh pendidik di Amerika. Beliau berpendapat bahawa pendidikan merupakan proses abadi bagi menyesuaikan perkembangan diri manusia yang merangkumi aspek jasmani, alam, akliah, kebebasan dan perasaan manusia terhadap Tuhan sebagaimana yang ternyata dalam akliah, perasaan dan kemahuan manusia. Lihat Hermen Harrel Horne, 1939. *The Democratic Philosophy of Education*, Mac Millan & Co., New York, hlm. 6. Lihat juga Mook Soon Sang, 1988. *Pendidikan di Malaysia*, Kumpulan Budiman, Kuala Lumpur, hlm. 414.

<sup>3</sup> Beliau merupakan ahli falsafah Inggeris (820-903 M). Beliau berpendapat bahawa pendidikan ialah mempersiapkan manusia supaya dapat hidup dengan kehidupan yang sempurna. Lihat Herbert Spencer, 1906. *Education: Intellectual, Moral and Physical*, William and Nongete, hlm. 84.

Rousseau<sup>4</sup> dan Confucious<sup>5</sup>. Berdasarkan definisi-definisi itu, dapat difahamkan bahawa pendidikan ialah proses melatih akliah, jasmaniah dan moral manusia untuk melahirkan warganegara yang baik serta menuju ke arah kesempurnaan bagi mencapai tujuan hidup.

Hassan Langgulung<sup>6</sup> pula merumuskan pengertian pendidikan itu sebagai menambah dan memindahkan nilai kebudayaan kepada individu dalam masyarakat.<sup>7</sup> Hakikatnya ia dapat

---

<sup>4</sup> Beliau merupakan seorang tokoh pendidik di Eropah. Beliau berpandangan bahawa pendidikan merupakan satu proses yang berterusan dan bermula dari masa kanak-kanak. Dalam proses ini, segala kebolehan semulajadi lahir dengan sendiri mengikut kehendak dan peraturan semulajadi. Lihat Mook Soon Sang, 1988. *Pendidikan di Malaysia*, Kumpulan Budiman, Kuala Lumpur, hlm. 414.

<sup>5</sup> Beliau merupakan seorang tokoh pendidik serta ahli falsafah China. Beliau berpendapat pendidikan ialah projek untuk memupuk kesempurnaan tingkah laku manusia dan ini boleh dicapai melalui amalan tingkah laku yang sopan, bertimbang rasa, ikhlas hati dan sebagainya. Lihat *Ibid*.

<sup>6</sup> Beliau merupakan tokoh pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau merupakan profesor yang juga profesor pelawat di beberapa buah universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti King Saudi dan pernah bertugas di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau telah menghasilkan lebih 24 buah buku dalam bidang psikologi, pendidikan dan falsafah Islam. Beliau juga telah menghasilkan lebih daripada 100 artikel dalam jurnal terkenal di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

<sup>7</sup> Proses pemindahan nilai budaya itu ialah, pertama, pemindahan nilai-nilai budaya melalui pengajaran. Ia boleh diertikan sebagai pemindahan pengetahuan atau *knowledge*. Jadi, apabila seseorang memindahkan pengetahuan tersebut maka berlakulah proses pengajaran. Kedua, proses

dimengertikan bahawa pendidikan itu boleh didapati melalui proses yang terdapat di dalam sesuatu masyarakat dan individu yang ada di dalamnya. Akibat daripada proses tersebut, pendidikan boleh dikategorikan dalam dua bentuk utama iaitu dalam bentuk formal<sup>8</sup> dan bentuk tidak formal.<sup>9</sup>

Berdasarkan pengertian pendidikan itu, ia merupakan proses kesinambungan yang dialui oleh manusia dengan cara bimbingan, latihan dan didikan khususnya berkaitan dengan perkembangan intelek, kerohanian, jasmani, sosial dan estetika. Dengan erti kata lain, pendidikan juga dipandang sebagai pewarisan kebudayaan dan pengembangan potensi-potensi pada diri manusia untuk menjadikan dirinya sebagai manusia yang berilmu, berakhlak, sihat, berbudaya, berseni, berguna dan bertanggungjawab.

---

pendidikan merupakan satu latihan. Ia bermaksud apabila seseorang itu membiasakan diri dalam melakukan pekerjaan tertentu, maka ia mendapat kemahiran dalam pekerjaan tersebut. Ketiga, proses indoktrinasi adalah proses melibatkan seseorang itu meniru atau mengukur apa yang diperintahkan oleh orang lain. Lihat Hassan Langgulung, 1979. *Pendidikan Islam Suatu Analisa Psikologikal*, Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 3.

- <sup>8</sup> Pendidikan yang berbentuk formal dikelolakan oleh satu agensi atau institusi yang berfalsafah, berorganisasi, berstruktur, bermatlamat dan bersistem. Contohnya sekolah atau pusat pengajian pendidikan. Lihat Kamarudin Haji Kachar, 1989. *Strategi Penerapan Nilai Islam*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 20.
- <sup>9</sup> Pendidikan yang tidak formal tidak mempunyai falsafah, organisasi, struktur, matlamat dan sistem yang tertentu. Contohnya ialah didikan dalam sebuah keluarga. *Ibid*, hlm.11.

## PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam boleh diertikan sebagai proses mendidik dan melatih akliah, jasmaniah, dan ruhaniah manusia. Ia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan al-Qur'an dan sunnah Rasulullah s.a.w bagi melahirkan insan yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah semata-mata.<sup>10</sup>

Untuk mencapai matlamat tersebut, pendidikan akliah atau intelektual amat penting dalam mendidik akal. Ini kerana akal merupakan unsur paling berharga kepada manusia yang bertindak (berfikir) secara rasional tetapi kemampuannya agak terbatas. Fungsi tersebut telah dijelaskan dalam perkataan "*iqra'*"<sup>11</sup> yang mana keadaan akal sentiasa menerima bimbingan Allah. Oleh itu, pendidikan Islam menekankan peri pentingnya pengisian dalam melatih akliah manusia dengan nilai-nilai ketuhanan (ilmu tauhid), sifat ketaatan (*ta'abbud*) dan penyucian rohani (*tazkiyyah*). Dengan demikian, pendidikan akal atau mental tidak tersisih daripada nilai-nilai kerohanian.<sup>12</sup>

Pendidikan jasmani pula meliputi aspek fizikal dan mental. Kedua-duanya turut diberi perhatian dalam pendidikan Islam. Ia merangkumi kebersihan,

---

<sup>10</sup> Abdul Halim el-Muhammady, 1984. *Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya*, Jurnal Pendidikan, ABIM, Selangor, bil.1, tahun 1, hlm.11.

<sup>11</sup> Perkataan tersebut merujuk kepada konsep membaca seperti yang diturunkan dalam ayat pertama kepada Nabi Muhammad. Sila rujuk al-Qur'an: Surah *al-Alaq* 96: 1-4.

<sup>12</sup> Ghazali bin Basri, *Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam*, Jurnal Pendidikan, ABIM, bil. 2, tahun 1, hlm. 5.

kesihatan, kecergasan, kekuatan, keberanian dan disiplin. Ia bertujuan melahirkan insan yang sihat dan kuat untuk menjalankan kewajipan kepada Allah. Selain itu, pendidikan jasmani juga dilihat dari sudut kerohanian dan kejiwaan yang menitikberatkan pembersihan jiwa (*tazkiyyah nafs*) serta keluruhan budi pekerti melalui akhlak.<sup>13</sup>

Pendidikan yang berbentuk rohani atau spiritual juga penting dalam Islam iaitu dalam konteks hubungan manusia dengan Allah. Keyakinan kepada Allah menjadi asas dalam mencapai kejayaan kerana kekuatan rohani yang dimiliki oleh individu itu membawa kepada kekukuhan pendidikan fizikal, intelektual dan akhlak. Dengan itu, pendidikan Islam tidak akan wujud tanpa disertai pendidikan rohani. Maka bertitik tolak dari pengertian ini, Islam menekankan beberapa aspek tertentu yang perlu diutamakan dalam pendidikan Islam.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Kamarudin Haji Kachar, 1989. *Strategi Penerapan Nilai Islam*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 30-33.

<sup>14</sup> Aspek tersebut ialah, pertama, pendidikan itu sebagai pendidikan seumur hidup; kedua, pembangunan seluruh potensi manusia (roh, akal, dan jasad) secara bersepadu yang mencakupi aspek kognitif dan efektif. Ketiga, berperanan sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya; keempat, memakmurkan seluruh alam; kelima, kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Abdul Halim el-Muhammady, 1984. *Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya*, Jurnal Pendidikan, ABIM, Selangor, bil .1, tahun 1, hlm .11.



Pendidikan Islam itu berlaku secara berterusan sama ada formal<sup>15</sup> atau tidak formal<sup>16</sup>. Ini bererti pendidikan yang berasaskan nilai-nilai Islamiah tidak hanya terhad kepada pengajaran akademik tetapi juga bimbingan asuhan yang dilakukan oleh pendidik. Justeru, pendidikan Islam juga merupakan satu proses menerapkan nilai-nilai Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatannya mengikut dasar-dasar yang digariskan oleh Allah serta membentuk sikap dan tingkah laku seseorang. Ia juga boleh dianggap sebagai suatu konsep yang mengandungi langkah-langkah dan kaedah-kaedah ilmiah yang dibawa oleh Islam bagi menjamin pembentukan peribadi yang sesuai dengan akidah Islam.

## KEPELBAGAIAN KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Dalam pendidikan Islam, terdapat beberapa konsep yang diguna pakai iaitu konsep *Tarbiyyah*, *Ta'lim*, *Ta'dib*, *Tadris*, *Irsyad* dan *Inzar*. Kesemua konsep ini telah berjaya diterapkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat dan masyarakat dalam membina insan yang berakhlak dan bertamadun tinggi.

---

<sup>15</sup> Pendidikan formal dalam pendidikan Islam merangkumi pendidikan yang wujud secara bersistematik seperti sekolah atau institusi pengajian. Ia melibatkan mata pelajaran yang berhubung dengan duniawi dan ukhrawi.

<sup>16</sup> Pendidikan tidak formal dalam pendidikan Islam meliputi pendidikan di masjid, surau, tempat awam, rumah dan lain-lain tempat. Ia dilihat dalam konteks pendidikan yang bersifat pembentukan akhlak.

Konsep tarbiyyah merupakan salah satu konsep pendidikan Islam yang penting. Perkataan “*tarbiyyah*” berasal daripada bahasa Arab yang dipetik dari kata kerja seperti yang berikut :

- a. *Rabba, yarbu* yang bererti tumbuh, bertambah, berkembang.
- b. *Rabbi, yarba* yang bererti tumbuh menjadi lebih besar, menjadi lebih dewasa
- c. *Rabba, yarubbu* yang bererti membaiki, mengatur, mengurus, mendidik.<sup>17</sup>

Melalui pengertian tersebut, konsep *tarbiyyah* merupakan proses mendidik manusia dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan manusia ke arah yang lebih sempurna. Ia bukan sahaja dilihat proses mendidik sahaja tetapi merangkumi proses mengurus dan mengatur supaya perjalanan kehidupan berjalan dengan lancar. Ia termasuklah *tarbiyyah* dalam bentuk fizikal, spiritual, material dan intelektual.

Para sarjana pendidikan Islam telah bersepakat mengatakan bahawa perkataan (*Rabbu*) dalam ayat *Rabbil Alamin* membawa erti bahawa Allah itu bukan sahaja mempunyai sifat sebagai Tuhan, tetapi juga sebagai Pendidik.<sup>18</sup> Dengan kata lain bahawa Allah mendidik manusia supaya mengikut jalan yang lurus dan yang diredhai-Nya dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ia bertujuan supaya manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Untuk melaksanakan tugas

---

<sup>17</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar al-Misriyah, Mesir, hlm.145.

<sup>18</sup> Zawawi Haji Ahmad, 1984. *Kaedah Teknik Pengajaran*, International Book, Kuala Lumpur, hlm.3.

dan perintah tersebut, Allah telah mengutus para rasul dan nabi untuk menyampaikan didikan itu kepada manusia di atas muka bumi ini.<sup>19</sup>

Selain daripada Allah sebagai Pendidik, manusia juga boleh menjadi pendidik berdasarkan firman Allah yang bermaksud : “*Wahai Tuhanku, sayangilah keduanya sebagaimana mereka mendidiku sewaktu kecil.*”<sup>20</sup>

Berdasarkan ayat tersebut, jelaslah kepada kita bahawa konsep *tarbiyyah* atau pendidikan itu turut digunakan dalam konteks pendidikan manusia. Ia boleh dilihat dari peringkat awal kelahiran sehinggalah pada akhir kehidupan mereka di dunia yang menyentuh pendidikan yang bersifat fizikal, spiritual dan intelektual.<sup>21</sup>

Konsep *tarbiyyah* juga turut digunakan dalam bahasa Inggeris. Konsep tersebut menggunakan istilah *education* yang bermakna pendidikan, pengasuhan, pengajaran dan latihan. Istilah ini diambil daripada perkataan *educate* yang membawa erti didik, ajar, asuh dan latih.<sup>22</sup>

Secara umumnya, pengertian *tarbiyyah* boleh diringkaskan sebagai satu proses yang berterusan dalam membentuk individu sama ada dari sudut fizikal, mental atau spiritual untuk mencapai

---

<sup>19</sup> Hassan Langgulung, 1991. *Asas-Asas Pendidikan Islam*, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 5-6.

<sup>20</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Isra'*: 17-24.

<sup>21</sup> Hassan Langgulung, 1991. *Asas-Asas Pendidikan Islam*, DBP, Kuala Lumpur, hlm.6.

<sup>22</sup> Perkataan tersebut adalah dari bahasa Latin iaitu *educare* yang bererti memasukkan sesuatu. Lihat Joyce M. Hawkins, 1997. *Kamus Dwibahasa Oxford*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam, hlm. 118.

kesempurnaan hidup. Proses ini akan mendidik mereka untuk menghayati nilai-nilai yang sesuai untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>23</sup>

Perkataan *ta'lim* pula dipetik dari kata dasar '*allama, yu'allimu, ta'lim* yang bererti mengecap atau memberi tanda. Selain itu ia juga merupakan kata dasar yang memberi maksud mengetahui segala-galanya.<sup>24</sup> Ia merujuk kepada sifat Allah yang mengetahui segala apa yang berlaku di seluruh alam ini termasuklah di alam ghaib.

Konsep *ta'lim* menurut bahasa Melayu bererti pengajaran. Seiring pengertian tersebut, ia boleh diistilahkan sebagai sesuatu alamat atau bukti bagi mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan berilmu. Pengetahuan tersebut dicapai dengan menggunakan akal yang dianugerahkan oleh Allah untuk menyampaikan serta mempraktikkan ilmu tersebut dalam bentuk teori dan praktikal. Melalui ilmu tersebut, ia dapat membezakan antara nilai yang positif dan negatif dalam kehidupan sekaligus memberi pengajaran kepada individu tersebut.<sup>25</sup>

Ia bersamaan dengan bahasa Inggeris, *instruction* yang membawa maksud pengajaran, penyuruhan. Istilah ini diambil dari kata dasar *instruct* yang bererti tunjuk, suruh dan ajar.

---

<sup>23</sup> H. Tadjah, Muhaimin, H. Sjahminan, Siti Kasrini, Djuandi, 1996. *Dasar-Dasar Kependidikan Islam*, Penerbit Karya Abditama, Surabaya, hlm. 15.

<sup>24</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar al-Masriyah, Mesir, Jil.12, hlm. 420.

<sup>25</sup> H. Tadjah, Muhaimin, H. Sjahminan, Siti Kasrini, Djuandi, 1996. *Dasar-Dasar Kependidikan Islam*, Penerbit Karya Abditama, Surabaya, hlm. 5.

Kesimpulannya, konsep *ta'lim* mempunyai hubungan yang rapat dalam proses pendidikan manusia sebagai khalifah Allah. Pengetahuan yang ada pada manusia agak terbatas mengikut kemampuan masing-masing dan akal bertindak mengukur sejauh manakah pengetahuan tersebut bersifat positif atau negatif.

Selain daripada konsep *tarbiyyah* dan *ta'lim*, konsep *ta'dib* juga digunakan dalam pendidikan Islam. Erti *ta'dib* dalam bahasa Arab dipetik dari kata dasar seperti yang berikut :

- a. *Aduba, ya'dubu* yang bererti melatih atau mendisiplinkan diri untuk melakukan tingkahlaku dan perkara yang baik.
- b. *Adaba, ya'dibu* yang bererti mengadakan pesta atau jamuan atau melakukan perkara yang baik dan sopan
- c. *Addaba, yuaddibu, ta'dib* yang bererti mendidik, melatih, memperbaiki, mendisiplin.

Konsep *ta'dib* boleh ditakrifkan sebagai tingkahlaku yang sopan dan berdisiplin yang bertujuan untuk mendidik peribadi seseorang sebagai langkah meningkatkan imej yang tinggi di mata masyarakat.

Konsep tersebut didefinisikan sebagai usaha secara praktikal dalam mencipta sesuatu keadaan sehingga mendorong jiwa untuk melakukan perkara yang *mahmudah*<sup>26</sup> dan meninggalkan perkara yang

---

<sup>26</sup> Perkara yang *mahmudah* ialah perkara yang disukai oleh Allah. Antara sifat tersebut ialah sabar, tolong-menolong, bercakap benar dan sebagainya.

*mazmumah*.<sup>27</sup> Definisi-definisi ini selari dengan konsep yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun<sup>28</sup> iaitu matlamat pendidikan ialah agar tabiat manusia atau tingkahlaku manusia menjadi baik dengan pembinaan akhlak terpuji melalui perintah dan tegahan-Nya. Manakala perbuatan yang terkeji adalah dilarang oleh agama dan diperintah untuk meninggalkannya. Maka di sinilah peranan disiplin dalam memupuk tabiat dan tingkahlaku yang baik seperti yang digariskan oleh Islam.

Selain daripada konsep di atas, konsep *tadris* juga penting dalam pendidikan Islam. Perkataan *tadris* berasal dari kata dasar *darasa yadrisu* yang bererti mempelajari sesuatu. Secara umumnya konsep ini boleh dikaitkan dengan pengajaran dalam satu matapelajaran serta isi kandungannya. Ia menekankan ciri-ciri asas pengajaran dan pembelajaran,<sup>29</sup> perhubungan

---

<sup>27</sup> Perkara *mazmumah* ialah perkara yang dibenci oleh agama. Antara sifat tersebut ialah bercakap bohong, mungkir janji, riak dan sebagainya.

<sup>28</sup> Nama sebenarnya ialah Abdul Rahman bin Muhammad. Beliau dilahirkan pada 723 Hijrah di Tunis. Keturunan beliau berasal dari selatan Semenanjung Tanah Arab dan berhijrah ke Andalus. Beliau terkenal sebagai seorang ahli sejarawan, falsafah dan juga ulamak yang termasyhur. Lihat Muhammad Abdullah Enan, 1979. *Ibn Khaldun his Life and Work*. Kitab Bhavan, New Delhi, hlm.1-11.

<sup>29</sup> Antara ciri-ciri asas pengajaran dan pembelajaran ialah pembelajaran itu adalah suatu perubahan tingkahlaku manusia, perubahan yang kekal dan stabil serta perubahan tingkahlaku yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan.

guru dengan murid<sup>30</sup> dan perihal pembelajaran yang diajar.<sup>31</sup>

Konsep *irsyad* tidak kurang pentingnya dalam pendidikan. Ia berasal dari perkataan *rasyada*, *yarshidu* yang bermaksud petunjuk yang membawa ke jalan yang benar bagi kehidupan di dunia seperti yang digariskan oleh al-Qur'an dan sunnah. Melalui pengamalan ilmu *Fardu Ain*<sup>32</sup> dan *Fardu Kifayah*<sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> Antara ciri-ciri perhubungan antara guru dan murid ialah pertama, kedua-duanya mestilah membersihkan diri daripada perkara buruk. Kedua, murid hendaklah mengagungkan guru kerana ilmu pengetahuannya. Manakala guru mestilah mempunyai keikhlasan hati dalam menyampaikan ilmunya. Ketiga, guru harus merasa sayang dan kasih terhadap pelajar. Begitu juga pelajar mesti merasa hormat kepada gurunya. Perhubungan sebegini menjadi landasan untuk menjadikan mereka berjaya sebagai seorang pendidik. Lihat al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, Jil.1, Terj. Ismail bin Yaakub, 1988. Pustaka Nasional, Singapura, hlm.189-196.

<sup>31</sup> Ia melibatkan pembelajaran yang bersifat keagamaan seperti Aqidah, Fiqh, Usul Fiqh dan sebagainya. Pembelajaran yang bukan bersifat keagamaan termasuklah ilmu bercucuk tanam, pertukangan, menjahit dan sebagainya. Lihat Tajul Ariffin Noordin, 1988. *Asas-asas Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, UKM, hlm. 9.

<sup>32</sup> *Fardu Ain* ialah melaksanakan dan mengerjakan ibadah wajib sepertimana yang ditetapkan oleh Allah kepada setiap individu muslim yang cukup syariatnya. Sekiranya ia meninggalkannya, maka ia berdosa. Contohnya solat fardu lima waktu, puasa bulan Ramadan dan sebagainya.

<sup>33</sup> *Fardu Kifayah* ialah melaksanakan amalan yang berbentuk sosial dalam masyarakat Islam. Sekiranya terdapat sesuatu kumpulan atau individu melaksanakan tuntutan fardu itu maka terlepaslah tanggungan dosa mereka yang tinggal dalam masyarakat tersebut. Contohnya menyelenggarakan mayat, membangunkan sekolah, mewujudkan ekonomi Islam dan sebagainya.

secara langsung dapat membersihkan sifat jahat manusia seperti angkuh, takbur dan tamak. Ia turut memperbaiki pegangan manusia dengan mengukuhkan keyakinan kepada Allah, di samping berjaya mentadbirkan masyarakat sepertimana yang digariskan oleh Islam. Ringkasnya, manusia yang berpendidikan ialah mereka yang menerima petunjuk Allah dan sentiasa berada di jalan yang benar.<sup>34</sup>

Konsep *inzar* juga merupakan antara konsep dalam pendidikan Islam. *Inzar* adalah kata terbitan (*masdar*) daripada perkataan *nazara*, *yanziru* yang bererti peringatan kepada manusia.<sup>35</sup> Ia merujuk kepada manusia supaya menuju ke arah jalan yang benar berpandukan al-Qur'an sebagai sumber utama dan al-hadis sebagai sumber kedua. Nabi Muhammad s.a.w dianggap sebagai pendidik terulung untuk memberi peringatan kepada seluruh umat manusia selepasnya. Dalam konsep peringatan ini, ia mengingatkan manusia supaya melaksanakan perkara yang diredai dan meninggalkan segala kemungkaran.<sup>36</sup>

Berdasarkan enam konsep yang digunakan dalam pendidikan Islam, jelas bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia keseluruhannya. Ia bukan sahaja merujuk kepada pendidikan yang bersifat spiritual tetapi merangkumi pendidikan lahiriah yang membentuk akhlak ke arah melahirkan manusia yang beriman dan bertakwa.

---

<sup>34</sup> *Ibid*

<sup>35</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar al-Masriyah, Mesir, Jil.5, hlm. 205.

<sup>36</sup> Mahmud Qambar, *Dirasat fi Usul al-Tarbiyyah*, Dar al-Saqafah, hlm. 103



## MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam mempunyai matlamat-matlamat tertentu. Mengikut Imam al-Ghazali,<sup>37</sup> antara matlamat tersebut ialah melahirkan insan yang beriman, beramal soleh dan bertakwa. Ekoran daripada matlamat ini, lahirlah manusia sebagai hamba Allah dengan menjadikan akidah sebagai asas pendidikan. Berhubung dengan matlamat tersebut, al-Ghazali berpandangan:

“Pendidikan Islam itu bermatlamatkan mendidik hati dengan ilmu pengetahuan, mendidik jiwa dengan ibadah, bermakrifat kepada Allah s.w.t dan bertaqarrub kepada-Nya.”<sup>38</sup>

Begitu juga dengan pandangan yang diberikan oleh Ibn Khaldun bahawa pendidikan Islam memberi dua tujuan utama. Pertama, tujuan keagamaan iaitu mengenai amalan untuk akhirat. Kedua, tujuan ilmiah sebagai satu persiapan untuk hidup di dunia ini.

Dalam konteks yang lebih luas, pendidikan Islam juga bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat yang berakhlak tinggi, berbudi mulia dan bersatu padu. Ini ditegaskan oleh Allah dalam al-Qur'an

---

<sup>37</sup> Nama sebenarnya ialah Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. Beliau dilahirkan di Thursia, sebuah kota di Khursh pada 450 Hijrah. Semenjak kecil lagi beliau telah menunjukkan cinta dan suka kepada ilmu pengetahuan. Beliau belajar pelbagai ilmu termasuklah ilmu kalam dan berguru di merata-rata tempat seperti di Baghdad, Naisabur, Syam dan sebagainya. Lihat Fathur Rahman Syamsuddin Asyrafi, 1986. *Sistem Pendidikan versi al-Ghazali*, al-Maarif, Bandung, hlm.5.

<sup>38</sup> Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah an-Introduction to History*, Snyet, M.J Dawood, Routledge and Paul, 1967. London, hlm.16.

yang bermaksud: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, hendaklah kamu sabar, sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.*"<sup>39</sup>

Terdapat tiga faktor yang mendorong untuk mencapai matlamat pendidikan Islam iaitu faktor pembangunan spiritual,<sup>40</sup> pembangunan material<sup>41</sup> dan pembangunan kepimpinan.<sup>42</sup> Ketiga-tiga faktor ini berkait rapat antara satu sama lain. Sekiranya dicicirkan salah satunya atau diasingkan, maka kemajuan sesuatu institusi, keluarga atau bangsa akan mengalami kepincangan.

---

<sup>39</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Anfal* 8: 49

<sup>40</sup> Pembangunan spiritual dapat membentuk corak budaya dan sopan santun dalam individu. Ia turut menentukan identiti sesuatu kaum. Selain itu, ia mestilah berpegang teguh kepada akidah sebagai tunjang utama iaitu melalui proses pengamalan ibadah sama ada berbentuk khusus ataupun umum. Lihat Kamarudin Haji Kachar, 1989. *Strategi Penerapan Nilai Islam*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 31.

<sup>41</sup> Pembangunan material juga penting dalam kehidupan individu. Pembangunan ini termasuklah rumah, harta benda, tanah, hasil pekerjaan seperti pertanian, perniagaan dan perindustrian. Dengan itu usaha sangat penting dalam mencapai tujuan seperti yang digariskan oleh Islam. Lihat *Ibid*, hlm. 32.

<sup>42</sup> Sebuah masyarakat dan negara yang ingin mencapai kemajuan, ia mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang. Kepimpinan ini telah pun wujud sejak nabi Adam lagi. Dengan adanya kepimpinan yang dinamik dan berwibawa, maka pembangunan dan kebendaan akan terjamin dalam masyarakat Islam. *Ibid*, hlm. 33.

Matlamat pendidikan Islam juga adalah untuk melahirkan warganegara yang baik. Manusia bukan sahaja bertanggungjawab untuk dirinya sendiri tetapi mempunyai kewajiban sosial terhadap masyarakat dan negara. Antara kewajiban tersebut ialah sifat tolong-menolong dan bekerjasama yang merupakan akhlak yang terpuji di dalam masyarakat. Sifat ini memandu manusia supaya menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab.

Persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat merupakan tujuan utama kehidupan manusia. Bagi mencapai matlamat tersebut, keseimbangan antara dunia dan akhirat menjadi sasaran utama dalam mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ini telah dijelaskan melalui Firman-Nya yang bermaksud : *“Dan apa saja yang diberikan kepada kamu, maka itu adalah kenikmatan hidup duniawi dan perhiasan, sedangkan apa yang ada disisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal. Maka apakah kamu tidak memahaminya?”*<sup>43</sup>

Jelaslah, matlamat pendidikan Islam bukan sahaja dilihat dalam konteks kehidupan duniawi semata-mata tetapi kehidupan ukhrawi. Kedua-dua kehidupan ini menekankan perkembangan spiritual, material, fizikal sebagai landasan untuk melahirkan individu muslim yang beriman dan bertakwa ke arah kehidupan yang lebih sempurna.

Kesimpulannya, pendidikan merupakan proses membentuk individu ke arah perkembangan yang sihat dari segi fizikal, mental, emosi dan intelektual untuk melahirkan manusia yang berilmu. Sehubungan

---

<sup>43</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Qasas*: 28:60

itu, pendidikan Islam turut memenuhi segala tuntutan agama dalam membentuk insan yang beriman dan bertakwa dengan menggunakan kepelbagaian konsep dalam pendidikan Islam sebagai teras dalam mendidik manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, pelbagai metodologi pendidikan diguna pakai pada zaman Rasulullah s.a.w bagi mencapai matlamat pendidikan Islam.

## BAB 2

# METODOLOGI RASULULLAH S.A.W DALAM PEMBELAJARAN

Dalam proses pendidikan, metodologi pembelajaran merupakan kaedah utama bagi mencapai matlamat dalam membentuk kefahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan.<sup>44</sup> Ia merupakan asas utama dalam membantu pelajar untuk memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran dan menanam minat terhadap pengetahuan tersebut. Justeru, hubungan

---

<sup>44</sup> Terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh pakar pendidikan Islam berhubung definisi metodologi. Antaranya ialah Mohd Athiyyah al-Abrasyiy mendefinisikan metodologi merupakan jalan untuk memberi kefahaman kepada pelajar dalam pembelajaran. Manakala Mohd Abdul Rahim mendefinisikan, ia adalah sebagai cara-cara praktikal untuk tujuan pengajaran. Al-Jumbalathi dan Abu al-Fath Tawansi pula mentakrifkan metodologi itu sebagai cara yang diikuti oleh guru bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar. Lihat Mohd Athiyyah al-Abrasyiy, *Ruh al-Tarbiyyah Watta'lim*, al-Baby al-Halaby, Kaherah, hlm .267, lihat juga Mohd Abdul Rahman Ghunaimah, *Tarikh al- Jami'at al-Islamiyah al-Kubra*, Dar al- Atthibbah, Maghribi, 1953, hlm. 177. Dan lihat juga Omar Syaibani, *Falsafah Pendidikan Islam*, Terj. Hassan Langgulong, 1991. Hizbi, Shah Alam, hlm. 551.

antara guru dan pelajar amat penting dalam mewujudkan hubungan dua hala yang sifatnya sentiasa berinteraksi dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sehubungan itu, metodologi pembelajaran telahpun dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w dalam memberi didikan yang sempurna kepada masyarakat semasa berada di Mekah dan Madinah. Baginda menekankan pendekatan yang komprehensif, sempurna dan menyeluruh sesuai dengan situasi yang wujud ketika itu. Penulis membahagikan metodologi yang dilaksanakan kepada tiga kategori iaitu metodologi pembelajaran dalam bentuk sehalah, pembelajaran dalam bentuk dua hala dan pembelajaran dalam bentuk amali.<sup>45</sup>

## **METODOLOGI PEMBELAJARAN BERBENTUK SEHALA**

Metodologi ini merupakan langkah pertama dalam mempelajari asas ilmu pengetahuan. Ia termasuklah

---

<sup>45</sup> Dalam pembahagian metodologi ini, hanya beberapa tulisan sahaja yang ditemui oleh penulis sepanjang pembacaannya. Antaranya ialah Omar al-Syaibani mengemukakan metodologi dalam bentuk yang lebih umum iaitu metod pengambilan kesimpulan (induktif), perbandingan, kuliah, dialog, metod lingkaran (*halaqah*, riwayat, mendengar, membaca, *imla'*, hafalan, pemahaman dan lawatan). Manakala Abdullah Haji Ishak dalam tulisannya hanya menghuraikan kaedah pembelajaran melalui aspirasi al-Qur'an iaitu kaedah syarahan, hafalan, perbincangan, dialog, perdebatan dan sebagainya. Lihat Omar al-Syaibani, *Falsafah Pendidikan Islam*, Terj. Hassan Langgulung, 1991. DBP, hlm. 560-572 dan lihat juga Abdullah Haji Ishak, 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 68.

metodologi syarahan sebagai kaedah utama dalam mendidik masyarakat, di samping proses membaca, menulis dan menghafal. Kesemuanya merupakan proses yang berupa pembelajaran dalam bentuk sehalu.

## METODOLOGI SYARAHAN

Metodologi syarahan atau pidato merupakan cara yang penting dalam proses pembelajaran pada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>46</sup> Baginda telah menggunakan pendekatan ini bagi mengimplimentasikan ilmu pengetahuan yang telah diwahyukan kepada baginda untuk disampaikan kepada para sahabat. Kemudian ilmu tersebut diindoktrinasikan kepada umat Islam pada zaman selepas baginda.

Biasanya metodologi syarahan ini disampaikan di tempat-tempat awam atau tempat tumpuan orang ramai. Rasulullah s.a.w sendiri telah menyampaikan syarahannya seperti di masjid,<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Ia termasuklah ceramah, pidato, khutbah solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidil Adha.

<sup>47</sup> Syarahan yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w di masjid berupa didikan untuk kaum muslimin ketika itu. Antaranya ialah berhubung dengan sembahyang terawih yang mana baginda bersembahyang terawih diikuti oleh beberapa orang lelaki sebagai makmum. Kemudian pada malam kedua dan ketiga semakin ramai makmum mengikuti baginda sembahyang. Pada malam keempatnya, baginda sendiri tidak datang ke masjid kecuali semasa waktu subuh. Ketika itu baginda telah menemui orang muslimin dengan memuji Allah dan mengucapkan dua kalimah syahadah, kemudian baginda menerangkan sebab baginda tidak datang ke masjid untuk mengerjakan sembahyang terawih, sabdanya yang bermaksud, "*Amma Ba'du* sebenarnya tidak terlindung

dalam peperangan,<sup>48</sup> musim haji<sup>49</sup> dan lain-lain lagi. Ia bertujuan memberi didikan kepada kaum muslimin sama ada dalam bentuk nasihat, peringatan ataupun suruhan dalam kehidupan mereka sehari-hari.

## METODOLOGI PEMBACAAN DAN PENULISAN

Selain daripada metodologi syarahan, metodologi pembacaan dan penulisan juga merupakan asas utama bagi membentuk individu yang berpengetahuan tinggi dalam membina sebuah peradaban yang unggul. Ia bermula daripada proses penurunan wahyu pertama

---

kepada aku tentang kedudukan kamu (sebagai orang-orang yang suka dan taat dan suka berbuat kebajikan), tetapi aku bimbang bahawa sembahyang terawih itu) akan difardukan ke atas kamu, maka kamu tidak terdaya mengerjakannya.”(Riwayat Bukhari). Lihat Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmaeh, 1997. *Mustika Hadith Rasulullah s.a.w.*, JAKIM, Kuala Lumpur, Jil III, hlm. 94.

<sup>48</sup> Dalam peperangan Uhud, Rasulullah s.a.w. telah memberi peringatan kepada tentera Islam melalui ucapannya supaya mengutamakan strategi pertahanan di bahagian belakang kerana ditakuti musuh akan merempuh ke dalam pertahanan tentera Islam. Lihat al-Tabari, *Tarikh Imam Rasul wa-al-Muluk*, Kaherah, 1960, Jil III, hlm.187.

<sup>49</sup> Semasa Rasulullah s.a.w. mengerjakan haji Wida', baginda telah menyampaikan pidatonya kepada kaum muslimin yang terdiri lebih daripada 10,000 orang di padang Arafah. Antara ucapan baginda ialah “ *Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu itu satu, moyang kamu juga satu. Kamu sekalian berasal dari nabi Adam dan Adam berasal dari tanah. Bahawa sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah mereka yang paling bertakwa kepada Allah.*”Lihat Ibn Saad, 1996. *al-Tabaqat Kubra*, Dar Ihya, Beirut, Jil. 1, hlm. 336.



kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui malaikat Jibril di Gua Hira' iaitu lima ayat terawal surah *al-Alaq*.

Menerusi ayat tersebut, Allah telah memberi penjelasan mengenai kepentingan membaca dan menulis untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang. Selain daripada ayat di atas, banyak lagi ayat al-Qur'an yang menekankan aspek ini sebagai salah satu metodologi utama dalam pendidikan. Contohnya firman Allah yang bermaksud:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan-Mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhan-Mu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar menulis melalui pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

Sehubungan itu, Rasulullah s.a.w memainkan peranan utama dalam menyusun program menulis dan membaca di kalangan kanak-kanak dan pemuda. Bagi menjayakan program ini, baginda pernah menggunakan tenaga bukan Islam. Ini dilihat semasa perang Badar<sup>50</sup> yang mana tawanan-tawanan Perang Badar yang mahir membaca dan menulis diarah mengajar kanak-kanak muslim sebelum dibebaskan. Dengan cara ini, perkembangan ilmu pengetahuan semakin pesat sekali gus mendidik

---

<sup>50</sup> Peperangan Badar berlaku pada 17 Ramadan tahun kedua Hijrah. Ia berlaku di sebuah tempat bernama Badar yang terletak di antara Mekah dan Madinah. Dalam peperangan ini, bilangan tentera Islam yang berjumlah 313 orang berjaya mengalahkan kaum musyrikin yang berjumlah kira-kira seribu orang. Dalam peperangan ini, hanya 14 orang tentera Islam syahid dan 70 tentera musuh berjaya ditawan oleh tentera Islam. Lihat Ibn Kathir, 1997. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Dar Ihya, Beirut, Jil III, hlm. 203.

masyarakat mencintai dan mendalami ilmu pengetahuan tersebut.

Metodologi berbentuk penulisan juga tidak kurang pentingnya dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan. Ini kerana metod ini mempunyai pengaruh yang lebih besar dari sudut pengekalannya iaitu apabila dibaca secara berulang kali ia akan mudah difahami lebih mendalam. Al-Qur'an dan hadis mengakui sendiri penulisan sangat dihargai seperti firman Allah yang bermaksud: *Demi pena dan apa yang mereka tulis.*<sup>51</sup>

Sejarah membuktikan bahawa Nabi Sulaiman sendiri telah mendidik Ratu Balqis di negeri Saba' dengan mengirim surat melalui burung Hud-hud. Firman Allah yang bermaksud: *"Pergilah bawa suratku ini, serta campakkanlah kepada mereka, kemudian berundurlah dari mereka, dalam pada itu perhatikanlah apa tindak balas mereka."* (Setelah membaca surat itu) berkatalah Raja perempuan negeri Saba': *Wahai ketua-ketua kaum! Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia. Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman dan kandungannya seperti berikut: Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadapku, dan datanglah kepada kamu kepada ku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran Allah).*<sup>52</sup>

Berhubung dengan hal ini juga, Nabi Muhammad s.a.w telah disifatkan sebagai seorang *ummi* tetapi baginda tetap menitikberatkan pendidikan yang

---

<sup>51</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Qalam* 68:1. Dan hadis Rasulullah s.a.w. bermaksud: *Di akhirat nanti tinta-tinta ulama itu akan ditimbang dengan darah syuhada'.* (Riwayat Muslim)

<sup>52</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Naml* 27: 28-31.

menggunakan metodologi penulisan. Ini kerana kemahiran berbentuk penulisan ini memberi faedah yang besar terhadap bidang ilmu pengetahuan. Dengan menggunakan metodologi ini, taraf pendidikan ummah dapat dipertingkatkan dan juga dapat membanteras buta huruf di kalangan masyarakat. Ini memandangkan hanya beberapa orang sahaja penduduk Islam di Mekah yang mahir dalam bidang ini.<sup>53</sup>

## METODOLOGI HAFALAN

Metodologi berbentuk hafalan merupakan salah satu metodologi yang penting dalam menerapkan unsur-unsur pendidikan terhadap masyarakat. Apabila Rasulullah s.a.w menerima wahyu dari Allah, baginda terus menghafal dan memahami apa yang disampaikan oleh Jibril. Kadangkala Jibril terpaksa mengajar berulang kali supaya baginda dapat mengingat ayat tersebut.<sup>54</sup> Pendekatan ini terus ditekankan oleh Rasulullah s.a.w kepada para

---

<sup>53</sup> Antaranya ialah 'Ali bin Abi Talib, 'Umar bin al-Khattab, Talhah bin 'Ubaidillah, 'Uthman bin 'Affan, 'Abban Ibn Sa'ad, Yazid bin Abu Sufyan, Hathib bin 'Amr, Abu Salamah bin Abdul Ashab, Mu'awiyah dan Juhaim bin Salt. Lihat Jurji Zaidan, *Tarikh Adab Li Lughah al-Arabiyyah*, dar al-Maktabah al-Hayat, Jil.1, hlm. 197-198.

<sup>54</sup> Pada setiap malam bulan Ramadhan, baginda mengulangkaji al-Qur'an bersama-sama Jibril secara bertadarus. Dengan itu baginda dapat membaca al-Qur'an dengan betul dan sempurna serta lengkap dengan bertajwid. Baginda turut menghafalnya. Lihat Syeikh Abdullah Basmaeh, 1997. *Mustika Hadith*, Jil. III, Kuala Lumpur, hlm. 42.

sahabatnya dalam pendidikan.<sup>55</sup> Jelaslah bahawa kaedah hafalan merupakan suatu latihan yang dapat meningkatkan daya ingatan malah mencerdaskan minda.

## **METODOLOGI PEMBELAJARAN BERBENTUK DUA HALA**

Selain daripada metodologi sehala, metodologi pembelajaran berbentuk dua hala tidak kurang pentingnya dalam membantu mengembangkan potensi dalam proses pembelajaran. Antara metodologi itu ialah metodologi dalam bentuk soal jawab, penceritaan, perbahasan dan diskusi.

## **METODOLOGI BERBENTUK SOAL JAWAB**

Metodologi soal jawab juga merupakan salah satu bentuk pembelajaran yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Metodologi ini memperlihatkan peranan guru sebagai pemudah cara setelah murid mengajukan beberapa persoalan yang berkaitan. Ini telah mewujudkan suasana hubungan dua hala antara kedua belah pihak. Keadaan ini berjaya menarik perhatian dan pengamatan kepada

---

<sup>55</sup> Satu kenyataan telah dibuat oleh Anas bin Malik, beliau telah berkata: “ *Kami telah duduk bersama-sama Rasulullah s.a.w. kira-kira enam puluh orang. Sewaktu baginda keluar kerana sesuatu hajat, kami menghafalnya di kalangan kami, dan apabila kami bersurai, hadith itu telah tertanam di hati kami.*”

pemikiran murid-murid dan ini telah dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w.<sup>56</sup>

## METODOLOGI PENCERITAAN

Metodologi penceritaan merupakan salah satu cara untuk menarik minat pelajar terhadap pembelajaran. Teknik dan gaya penceritaan juga turut mempengaruhi perhatian pelajar. Metodologi ini juga dianggap sebagai pengajaran dan teladan kepada masyarakat seperti yang dijelaskan di dalam al-Qur'an berhubung dengan kisah Ibrahim.<sup>57</sup>

---

<sup>56</sup> Pada suatu hari, datang seorang lelaki dari sebuah dusun lalu ia bertanya, "Ya Muhammad, telah datang kepada kami utusan engkau, ia menyatakan bahawa Allah mengutus engkau menjadi rasul." Nabi menjawab: "Benar sedemikian." Lelaki itu terus bertanya: "Siapa yang menjadikan langit?" Jawab Rasulullah s.a.w; "Allah". Lelaki itu terus bertanya "Siapa yang menjadikan bumi dan segala isinya?" .Di jawab oleh Rasulullah s.a.w "Allah". Lelaki itu terus bertanya "Demi yang menjadikan langit dan bumi, menegakkan gunung-ganang adalah Allah untuk mengutuskan engkau menjadi Rasul. Lelaki itu terus bertanya, "Utusan engkau menyatakan bahawa kewajipan kami mengerjakan solat lima waktu sehari semalam". Nabi menjawab: "Benar sedemikian". Lelaki itu terus berkata "Apa yang diutus engkau akan ku kerjakan dan ditambah dan tidak kurang. Berkata nabi s.a.w : "Kalau benar lelaki ini, nescaya ia akan masuk syurga."

<sup>57</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Anbia'*; 21: 51-54 Bermaksud : *Demi sesungguhnya kami telah memberi kepada Ibrahim sebelum itu jalan sebetulnya kepada Tauhid, dan kami adalah mengetahui akan halnya. Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya "Apakah hakikatnya patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh memujanya?" Mereka menjawab, "Kami dapati datuk nenek kami selalu menyembahnya,"*

Sehubungan itu, Rasulullah s.a.w telah menggunakan metodologi ini untuk menarik perhatian para sahabat. Antara bentuk penceritaan yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w ialah kisah nabi dahulukala<sup>58</sup>, keadaan hari kiamat<sup>59</sup> dan sebagainya.

## METODOLOGI PERBAHASAN

Metodologi perbahasan juga adalah antara bentuk pembelajaran yang diamalkan oleh Rasulullah

---

<sup>58</sup> Antara cerita nabi yang pernah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w ialah mengenai nabi Adam. Ia telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah melalui Hadith Qudsi: Allah telah menciptakan Adam, tingginya 60 hasta. Kemudian Allah telah berfirman “Pergilah beri salam kepada semua malaikat dan dengarkanlah penghormatan mereka kepadamu, itulah penghormatan kepadamu....” Lihat Muhd Zuhri, Kelengkapan *Hadith Qudsi*, Toha Putra, Semarang, Jil. II, hlm. 155.

<sup>59</sup> Berhubung dengan hari kiamat, ia disebutkan dalam surah *al-Haqqah* 69:13-34. Bermaksud: *Kemudian (ketahuilah bahawa) apabila ditiup sangkakala dengan sekali tiup. Dan bumi serta gunung-ganang diangkat dari tempatnya dan dihancurkan keduanya dengan sekali hancur. Maka saat itu berlakulah hari kiamat. Dan terbelahlah langit, lalu jadilah di saat itu reput dan runtuh.* Dalam hadis Rasulullah s.a.w turut disebut mengenai kiamat. Hadis tersebut bermaksud: *Sesungguhnya hari kiamat itu tidak akan terjadi sebelum adanya sepuluh tanda, iaitu gerhana di timur, gerhana di barat, gerhana di Tanah Arab, adanya asap, datangnya Dabbah (binatang melata yang besar), Yakjuj dan Makjuj, terbit matahari di sebelah barat, keluar api di hujung Aden yang mengiringi manusia dan turunnya nabi Isa.* (Riwayat Muslim).

s.a.w<sup>60</sup> Menyentuh tentang penggunaan metodologi ini, baginda menggunakan konsep *al-mujadalah*<sup>61</sup> dan *al-mubalah*<sup>62</sup> dalam mendidik umat ke arah jalan yang benar.

Al-Qur'an sendiri menyatakan konsep *al-mujadalah* sebagai antara pendekatan yang terbaik untuk menyeru dan mendidik masyarakat yang beriman dan bertakwa. Baginda juga menggunakan konsep *al-hikmah*<sup>63</sup>, *al-mau'izah hasanah*<sup>64</sup> dan *al-mujadalah bi al-husna*<sup>65</sup> yang dinyatakan di dalam al-Qur'an

---

<sup>60</sup> Metodologi perbahasan disebut sebagai *al-Mujadalah*. Ia boleh ditafsirkan sebagai dalil atau hujah yang dikemukakan akibat keraguan. Penggunaan dalil yang teratur, *logic* akal dan tepat akan memuaskan hati pihak yang bertanya daripada sebarang keraguan.

<sup>61</sup> *Al-Mujadalah* berasal daripada perkataan *ja da la* yang bermaksud berbantah atau bertengkar. Dalam Islam ia merujuk kepada golongan yang menentang Islam iaitu dengan cara berbahas sebaik-baiknya sehingga dapat melembutkan hati mereka.

<sup>62</sup> *Al-Mubalah* berasal dari perkataan *ba ha la* iaitu yang bermaksud bermaki-makian. Dalam Islam, ia boleh merujuk kepada perbahasan yang digunakan oleh golongan yang bukan Islam.

<sup>63</sup> *Al-Hikmah* membawa maksud mengambil kira keadaan, masa dan suasana yang sesuai. Contohnya Rasulullah s.a.w. menggunakan lisan sebagai jalan untuk mendidik umat Islam dengan cara lemah-lembut.

<sup>64</sup> *Al-Mau'izah hasanah* ialah nasihat dan peringatan yang baik. Dengan memberikan peringatan dan pengajaran baik yang merupakan dalil akan dapat menyedarkan mereka. Ia merupakan strategi untuk menguasai hati dan jiwa seseorang. Lihat Sayyid Qutb, 1978. *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut, hlm. 2201-2203.

<sup>65</sup> *Mujadalah bil husna* merupakan kaedah dakwah Islamiah melalui perkataan. Ia menyeru supaya bersoal jawab dengan cara yang baik iaitu dengan lemah lembut dan kasih mesra. *Ibid*.

seperti dalam firman Allah yang bermaksud: *Serulah ke jalan tuhan-Mu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka(yang engkau serukan itu) dengan cara yang baik, sesungguhnya Tuhan-Mu yang lebih mengetahui akan orang yang jalan sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah dan petunjuk.*<sup>66</sup>

Selain itu, konsep *al-Mubalah* turut diguna pakai di dalam al-Qur'an. Ia dapat dilihat dalam surah *al-Imran*<sup>67</sup>. Berdasarkan ayat tersebut, Rasulullah s.a.w telah berdebat dengan sekumpulan orang Najran mengenai Nabi Isa.<sup>68</sup>

## METODOLOGI DISKUSI

Metodologi ini merupakan satu kaedah yang melibatkan aktiviti komunikasi dan interaksi antara murid dan guru. Ia melibatkan aktiviti dalam bentuk ilmiah dari segi penyampaian, pandangan dan berkongsi maklumat. Pada peringkat akhir, kedua-dua belah pihak membuat rumusan terhadap hasil perbincangan.

---

<sup>66</sup> Al-Qur'an, Surah *an-Nahl* 16:125

<sup>67</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Imran*: 61 yang bermaksud: *Kemudian sesiapa yang membantahmu mengenainya, sesudah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: "marilah kita menyeru kepada anak-anakmu, dan perempuan-perempuan kami serta perempuan-perempuan kamu, dan diri kami serta diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dengan memohon bersungguh-sungguh serta kita meminta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta."*

<sup>68</sup> Ibn Kathir, 1986. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, Dar al-Kitab, Beirut, Jil. I, hlm. 551.



Metodologi ini jelas dilihat dalam al-Qur'an dan melalui perbuatan nabi seperti yang terdapat dalam sunnah Rasulullah.<sup>69</sup> Peristiwa tawanan semasa Perang Badar turut memperlihatkan metodologi ini berlaku antara nabi dengan Umar serta Abu Bakar dalam kes tawanan Perang Badar.<sup>70</sup>

## **METODOLOGI PEMBELAJARAN BERBENTUK AMALI**

Metodologi pembelajaran berbentuk amali tidak kurang pentingnya dalam meningkatkan mutu sesuatu pembelajaran. Ia merupakan satu proses penghayatan setelah mempelajarinya secara teori. Ini membantu meningkatkan kefahaman secara kognitif dan menyeluruh.

---

<sup>69</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Imran* 3:159 maksudnya: *Serulah manusia kepada agama Tuhanmu dengan bijaksana dan pengajaran yang baik.*

<sup>70</sup> Perselisihan telah timbul berhubung dengan tawanan dalam Perang Badar. Seramai 70 orang tawanan berjaya ditawan oleh pihak Islam. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w telah berdiskusi dengan para sahabat. Mereka memberi pandangan yang berbeza. Abu Bakar menasihatkan supaya mereka dilepaskan dengan syarat membayar wang tebusan. Umar pula mengemukakan agar tawanan tersebut dipancing walaupun mereka yang ditawan itu mempunyai keturunan yang sama. Bagaimanapun, Rasulullah s.a.w merasa kasihan dan lebih menyetujui pandangan Abu Bakar. Dan sebahagian tawanan yang tidak mampu menebus diri mereka, Rasulullah s.a.w menggesa supaya mereka mengajar sepuluh orang kanak-kanak Islam menulis dan membaca. Lihat al-Maruf, 1978. *al-Mustadrak*, Jil. II, Dar al-Fikr, Beirut, hlm. 21.

Keadaan ini dapat dijelaskan dengan melihat cara Rasulullah s.a.w. mendidik umat Islam supaya mempraktikkan ajaran dan amalan yang terdapat di dalam agama Islam seperti ibadah sembahyang,<sup>71</sup> haji<sup>72</sup> dan sebagainya. Di samping amalan-amalan

- 
- <sup>71</sup> Dalam ibadah ini, Rasulullah s.a.w telah mengajarkan amalan sembahyang melalui sabdanya yang bermaksud: *"Hendaklah kamu sembahyang sebagaimana kamu melihatku sembahyang."* (Riwayat al-Bukhari). Ia juga turut dijelaskan dalam sebuah hadis lain. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *"Bahawa Abu Malik Al-'Asy'ari mengumpulkan kaumnya, katanya, wahai golongan Asy'ari, berkumpul dan himpunlah perempuan-perempuan dan anakmu, agar kuajarkan kepada mu cara solat seperti yang dicontohkan kepada kami di Madinah. Maka berkumpul mereka dan menghimpunkan perempuan dan anak-anak mereka. Abu Malik berwuduklah dan diperlihatkan kepada merek cara berwuduk dengan membasuh semua anggota wuduk. Kemudian azan dan lelaki yang lain berbaris di saf masing-masing dan wanita di bahagian belakang, iqamatlah dan ia menuju ke bahagian depan dan mengangkat kedua tangannya, dan mengucapkan takbir. Setelah itu dibaca al-Fatihah dan sebuah surah yang mudah, kemudian takbir lalu rukuk dan mengucapkan subhanallah..tiga kali. Kemudian dibaca pula Sami'allahu liman hamidah dan ia kembali lurus. Lalu takbir diiringi sujud. Seterusnya ia takbir lagi, lalu takbir dan sujud, kemudian takbir dan bangkit berdiri. Dan kemudian setelah selesai solat, dihadapkan wajahnya kepada kaumnya berkata: Hafalkanlah beberapa takbir aku dan pelajari rukuk, sujud kerana demikianlah cara Rasulullah s.a.w yang dicontohkan kepada kami di siang hari seperti yang sekarang ini.* (Riwayat Ahmad).
- <sup>72</sup> Rasulullah s.a.w mengerjakan haji hanya sekali sahaja seumur hidup. Ia berdasarkan kepada haji yang ditunaikan pada tahun kesembilan hijrah iaitu Haji Wida'. Ia juga disebut melalui sabdanya yang bermaksud: *"Belajarlah daripadaku cara-cara mengerjakan haji."*

harian<sup>73</sup> yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w, baginda sendiri melaksanakan tanggungjawab terhadap isteri,<sup>74</sup> jiran<sup>75</sup> dan orang miskin.<sup>76</sup>

Melalui metodologi-metodologi yang diaplikasikan tersebut, Rasulullah s.a.w telah berjaya menarik minat para sahabat dalam pendidikan. Situasi ini telah

---


<sup>73</sup> Baginda melakukan kerja-kerja rumah, menampal baju yang koyak, menyapu sampah, memerah susu kambing, membeli di pasar, membaiki capal, menyediakan makanan untuk binatang ternakan dan membakar roti bersama pembantunya. ( Riwayat Bukhari).

<sup>74</sup> Rasulullah s.a.w sendiri telah menunjukkan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap isteri-isteri baginda. Layanan terhadap mereka adil dan tidak cacat sedikitpun. Keadaan ini dapat dilihat apabila baginda sendiri pergi menziarahi isteri-isteri baginda setiap hari. 'Aishah meriwayatkan bahawa apabila Rasulullah s.a.w mengunjungi semua isteri setiap hari, baginda berbual dan mengusap kepala isterinya dengan belaian mesra dan seterusnya baginda akan bermalam di rumah isteri yang terakhir yang dikunjungi itu. Lihat Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*, terj. Norhayati Mohd Nor, 1992. DBP, Kuala Lumpur, Jil. II, hlm. 328.

<sup>75</sup> Layanan terhadap jiran merupakan contoh yang terbaik. Baginda sedia melupakan keselesaan dan kebahagiaan diri semata-mata untuk jiran. Ini telah dibuktikan semasa Rasulullah s.a.w berada di Madinah di mana ahli sufi telah ditempatkan di bilik kecil di masjid. Kemudiannya Saidina Ali meminta baginda supaya mendapatkan orang gaji untuk Fatimah tetapi Rasulullah s.a.w berkata: " Aku tidak akan memberikan orang gaji kepada Fatimah selagi aku tidak disediakan terlebih dahulu untuk para ahli sufi." Lihat *Ibid*, hlm. 1227.

<sup>76</sup> Baginda sentiasa memberi pertolongan kepada orang miskin. Baginda akan menghulurkan sesuatu kepada orang miskin sama ada dalam bentuk makanan atau pakaian. Tidak ada seorang pun yang pulang dengan tangan kosong jika mereka menemui Rasulullah s.a.w. Lihat *Ibid*, hlm.1229.

mendorong para sahabat untuk menimba ilmu pengetahuan dan ilmu-ilmu lain untuk diamalkan dan dihayati. Lantaran itu, metodologi ini telah dilaksanakan dalam pendidikan Islam di Mekah dan Madinah pada zaman baginda.



## **BAB 3**

# **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W**

Pendidikan telah pun wujud sejak dahulu lagi sehinggalah kini. Perkembangannya agak terbatas berdasarkan tujuan dan kepentingan situasi ketika itu. Mereka yang terlibat dalam pendidikan hanya bilangan minoriti sahaja yang terdiri daripada golongan atasan. Golongan inilah yang mempunyai kesedaran membaca, menulis dan mengira. Bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, pendidikan hanya bergantung kepada alam sekeliling. Mereka lebih banyak memfokuskan kepada puisi dan syair sebagai media pendidikan mereka.

Apabila wahyu pertama diturunkan 1400 tahun yang lampau di Gua Hira', bermulalah era pendidikan Islam di Kota Mekah. Pada peringkat ini, pendidikan Islam adalah di bawah tanggungjawab individu tertentu. Rasulullah s.a.w memainkan peranan utama sebagai guru yang mendidik masyarakat berdasarkan wahyu. Bagaimanapun, corak pendidikan pada

peringkat awal semasa baginda berada di Mekah agak berbeza dengan pendidikan yang dilaksanakan di Madinah. Ini dapat diperhatikan daripada sistem pendidikan pada zaman ini yang lebih menitikberatkan persoalan akidah tetapi tidak mengetepikan persoalan berbentuk akhlak dan syariah.

Perkembangan pendidikan pada era Madinah pula memberi pengertian yang begitu besar terhadap perkembangan ilmu pengetahuan. Pendidikan pada zaman ini telah melahirkan sistem pendidikan yang tidak formal kepada yang lebih formal. Ini memandangkan ramai penduduk Madinah begitu tertarik dengan cara pendidikan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w di Mekah. Walaupun pendidikan ketika ini banyak memfokuskan kepada aspek ibadah dan akhlak tetapi Rasulullah s.a.w sendiri tidak mengetepikan kepentingan membaca dan menulis sebagai asas ilmu pengetahuan, di samping menitikberatkan pendidikan yang berbentuk fizikal seperti pertahanan diri dan penjagaan kesihatan untuk membolehkan masyarakat dan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab agama dan masyarakat.

## **SEPINTAS LALU PENDIDIKAN PADA ZAMAN JAHILIYYAH<sup>77</sup>**

Semenanjung Tanah Arab mempunyai keluasan dua juta kilometer persegi. Ia terletak di kawasan barat

---

<sup>77</sup> Zaman Jahiliyyah ialah zaman sebelum Islam iaitu zaman sebelum turunnya al-Qur'an. Perkataan Jahiliyyah dirujuk kepada kata dasar *ja ha la* yang membawa maksud bodoh

daya Benua Asia. Ia disempadani oleh Laut Merah di bahagian barat, Teluk Parsi di bahagian timur, Lautan Hindi di bahagian selatan dan Padang Pasir Syam (Syria) di bahagian utara. Semenanjung ini dikelilingi oleh air kecuali di bahagian utara terdapat padang pasir Syam.

Penghuni Semenanjung Tanah Arab pada peringkat awalnya berasal dari bangsa Semitik. Mereka terbahagi kepada dua bangsa utama iaitu; pertama, bangsa Arab *Ba'idah* iaitu kaum-kaum terdahulu seperti '*Ad*<sup>78</sup>, *Thamud*<sup>79</sup> dan *Tasm*.<sup>80</sup>

---

dan sesat. Definisi ini juga boleh dilihat melalui firman Allah di dalam surah *Ali-Imran*: 154. Pada zaman Jahiliyyah ini masyarakat Arab berada dalam keadaan yang tidak berakhlak dan tidak mempunyai peradaban atau tamadun. Mereka mempunyai akhlak yang rendah dan tidak mempunyai sistem politik yang teratur dan perkembangan ekonomi yang tidak stabil. Lihat Mahayuddin Haji Yahaya, Ahmad Jelani Halimi, 1993. *Sejarah Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, hlm. 29-33.

<sup>78</sup> Kaum '*Ad* merupakan suku Arab yang tertua. Mereka mempunyai pemerintahan yang besar dari pantai barat Yaman dan Hadramaut hingga ke Iraq. Dengan kekuasaan dan kedudukan yang mereka ada menyebabkan mereka menyekutukan Allah. Dengan itu Nabi Hud diutuskan untuk mengingatkan mereka supaya kembali menyembah Allah. Lihat al-Qur'an, surah *al-Fajr*: 6-8 dan lihat juga *al-Tabari, Tarikh al-Imam al-Muluk*, Jil. 1, hlm. 150-156.

<sup>79</sup> Kaum Thamud merupakan kaum Arab yang kedua tertua yang dikenali dalam sejarah bangsa Arab. Mereka menguasai kawasan di sekitar barat daya Semenanjung Tanah Arab. Mereka berkuasa selepas dua abad daripada kehancuran kaum '*Ad*. Nabi Salleh telah diutuskan kepada kaum ini kerana mengingkari wujudnya Allah dan kekuasaannya. Lihat *Ibid*, hlm.158.

<sup>80</sup> Suku Tasm menetap di Yamamah. Rajanya merupakan raja yang zalim dan mempunyai istana yang besar. Lihat *Ibid*, hlm. 452.

Kedua, bangsa Arab *Baqiyah* pula terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu bangsa *Qahtan*<sup>81</sup> dan bangsa *Adnan*.<sup>82</sup>

Penduduk Arab pada zaman Jahiliyyah pada umumnya terbahagi kepada dua iaitu kaum Badwi dan kaum Hadhari. Kaum Badwi mengamalkan cara kehidupan secara nomad (berpindah-randah). Berternak merupakan sumber utama kehidupan mereka. Pendidikan ketika itu hanya meliputi perkara yang berkaitan dengan teknik berternak, mengetahui tempat subur, pengetahuan yang berkaitan dengan arah dan tujuan dalam menunggang kuda sekiranya tersesat di padang pasir ataupun teknik untuk mengelakkan diri daripada binatang buas. Di samping itu, mereka mengamalkan pelbagai peraturan dan adab untuk tujuan keamanan dan kesejahteraan hidup mereka seharian.<sup>83</sup>

---

<sup>81</sup> Bangsa Qahtan ini mendiami selatan Semenanjung Tanah Arab iaitu terdiri daripada golongan raja-raja negeri Yaman dan suku-suku Saba' dan Himyar. Lihat Jurji Zaidan, 1967. *Tarikh Tamadun Islam*, Dar al-Maktabah al-Hayah, Jil. I, Beirut, hlm. 3.

<sup>82</sup> Bangsa Adnan dikenali sebagai Arab Musta'rabah iaitu hasil pencampuran bangsa berdarah Arab dan bukan Arab, iaitu daripada keturunan Ismail setelah mengahwini seorang gadis Jurhum. Keturunannya terus berkembang dan lahirlah anak-anaknya seperti Adnan, Maad dan Nizar. Keturunan Nizar berkembang sehingga munculnya suku kaum seperti Abd Qais, Bakar, Taghlib, Hanifah. Suku Mudhar yang terkenal ialah Hawazin, Ghatfan dan Quraisy. Lihat Jurji Zaidan, 1967. *Tarikh Tamadun Al-Islami*. Jil.1, hlm. 4-5 dan Ahmad Syalaby, *Sejarah Kebudayaan Islam*, Jil. I, Terj. Muchtar Yahya, 1975. Pustaka Nasional, Singapura, hlm. 50-51.

<sup>83</sup> Hasan Asari, 1994. *Menyingkap Zaman Keemasan Islam*, Penerbit Mizan, Bandung, hlm. 16.



Manakala kaum Hadhari pula ialah golongan yang tinggal dan menetap di kawasan kota seperti Taif,<sup>84</sup> Yathrib<sup>85</sup> dan Mekah.<sup>86</sup> Mereka hidup dengan cara berdagang sebagai sumber pencarian mereka. Keadaan ini amat berbeza dengan kehidupan nomad di kawasan gurun kerana pendidikan yang mereka peroleh di kota biasanya lebih tertumpu dalam hal perdagangan sahaja. Kemungkinan besar para pedagang telah pun mahir membaca, menulis dan menghitung yang datang dari dalam atau di luar Mekah telah dipengaruhi dari negara Rom dan Parsi.

---

<sup>84</sup> Ia terletak di kawasan Hijaz iaitu lebih kurang 120 kilometer dari tenggara Mekah. Ia merupakan kawasan pertanian yang subur dan mengeluarkan bahan-bahan seperti gandum, buah-buahan, dan pakaian. Al-Qur'an: Surah *al-Zukhruf*: 31 sendiri menceritakan bahawa Taif dan Mekah disebut sebagai *al-Qaryatani* iaitu Bandar kembar. Masyarakatnya agak lebih maju berbanding dengan masyarakat Badwi. Lihat al-Baidhuri, 1959. *Futuh al-Buldan*, Maktabat al-Tajriyat al-Kubra, Mesir, hlm. 66.

<sup>85</sup> Ia terletak kira-kira 300 batu dari utara Mekah. Ia merupakan kawasan subur dan pusat perdagangan sama ada dalam ataupun luar negeri. Penduduknya terdiri daripada kaum Yahudi dan suku Aus dan Khazraj. Lihat *al-Baidhuri*, hlm. 20.

<sup>86</sup> Ia adalah satu daerah perkampungan di pertengahan abad ke-5 Masehi yang terletak di satu perlembahan wadi yang sempit dan panjang. Ia dinamakan Mekah kerana terdapat Baitullah. Lihat al-Yaqut, *Mu'jam al-Buldan*, Jil. 7, hlm.133.

Selain itu juga, mereka mahir dalam bidang perubatan,<sup>87</sup> kaji bintang,<sup>88</sup> ilmu keturunan<sup>89</sup> dan ilmu-ilmu yang lain. Ilmu-ilmu tersebut berperanan penting dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan mereka. Walaupun kehidupan dan suasana antara mereka jauh berbeza tetapi mereka mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu mempunyai daya ingatan yang kuat<sup>90</sup>. Situasi ini membolehkan mereka menghafal beribu-ribu bait syair. Hal ini menunjukkan aktiviti yang terdapat pada zaman Jahiliyyah adalah berbentuk puisi dan prosa sebagai media pendidikan yang diwariskan turun-temurun

---

<sup>87</sup> Ilmu perubatan yang mereka ada adalah diasaskan secara tradisi turun-temurun. Mereka percaya punca penyakit ialah semangat roh jahat. Mereka mendapat rawatan daripada tukang sihir, ahli nujum dan tukang tilik. Tabib yang terkenal pada zaman Jahiliyyah ialah Harith ibn Khaldah. Lihat Jurji Zaidan, *Tarikh al-Adab al-Lughah al-Arabiyah*, Dar al-Maktabah al-Hayat, Beirut, hlm.170.

<sup>88</sup> Ilmu kaji bintang amat penting dalam menentukan masa pelayaran mereka. Mereka yang terkenal ialah Banu Mariah bin Kalb dan Banu Murrah bin Hamam al-Syaibani. Selalunya mereka menjalankan perdagangan pada musim sejuk iaitu ke negeri Yaman dan musim panas ke Syam. Lihat *Ibid*, hlm. 175-178 dan lihat juga Husain Mu'nis, 1988. *Tarikh Quraissy*, Dar al-Saudiyyah, Mekah, hlm. 146.

<sup>89</sup> Ilmu keturunan juga begitu penting dalam menentukan suku-suku di kalangan orang Arab. Mereka yang pakar dalam ilmu ini ialah Abu Bakar. Lihat *Ibid*

<sup>90</sup> Pada kelazimannya, orang Arab menghantar anak-anak mereka ke kawasan pedalaman untuk dididik supaya fasih dalam bahasa Arab dan dilatih menjadi berani apabila meningkat dewasa. Hal ini telah dilaksanakan oleh keluarga Nabi Muhammad s.a.w semasa baginda masih kecil. Baginda telah dihantar ke sebuah perkampungan dan diasuh oleh Halimatul Saadiah.

secara lisan. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada kegiatan budaya intelektual mereka. Jelaslah pada zaman pra-Islam ini, ramai tokoh sasterawan Arab yang terkenal muncul seperti Imru al-Qais,<sup>91</sup> Zuhair bin Abi Sulma,<sup>92</sup> al-Nabighah az-Zubyan.<sup>93</sup> Mereka turut menonjolkan pelbagai tema dalam syair mereka.<sup>94</sup> Malahan mereka juga merakamkan syair yang berkaitan dengan alam, keadaan hidup di gurun, cuaca dan perkara yang berada di sekeliling penyair.

Prosa juga tidak kurang pentingnya dalam kehidupan pada zaman Jahiliyyah. Ia telah membuktikan kehalusan dan kesenian dalam bahasa

---

<sup>91</sup> Nama sebenarnya ialah Hunduj bin Hujr bin al-Harith al-Kindi. Beliau dari keturunan bangsawan Raja Kindah. Semenjak remaja lagi, beliau suka mencipta puisi dan hidup berfoya-foya dengan memikat gadis-gadis. Lihat Ilya Hawi. 1970. *Imru al-Qays*, Dar al-Thaqafah, Beirut, hlm. 34.

<sup>92</sup> Beliau adalah dari keturunan suku Muzainah yang mendiami daerah al-Hujun iaitu terletak di sebelah timur kota Madinah. Beliau juga merupakan salah seorang tokoh penyair. Keluarganya, terutama bapa saudaranya, anak-anak lelaki dan adik-beradiknya juga berbakat dalam bidang puisi. Lihat Umar Farrukh, 1976. *Tarikh al-Adab al-Arabi*, Jil. I, Dar al-Ilm, hlm. 195 dan Shawqi Daif, 1971. *Al-Asr al-Jahilli*, Dar al-Ma'rif, hlm. 300.

<sup>93</sup> Beliau berasal dari suku Zubyan yang menetap di barat laut Najd. Beliau sering mendampingi Raja Hirah, kemudian menjadi pegawai kepada Nu'man dengan mendapat kedudukan yang tinggi dan di sanjungi. Lihat Carl Brocelman, *Tarikh al-Adab al-Arabi*, hlm .57.

<sup>94</sup> Antara tema-tema tersebut ialah berbentuk ghazal atau *tasybib* (cinta), *hamasah* (keberanian), *madh* (memuji), *rasa'* (kesedihan atau ratapan), *hija'* (cacian), *l'tizar* (kemaafan). Lihat Shawqi Daif, 1967. *Tarikh al-Adab al-Arabi*, Darul al-Maarif, hlm. 195.

mereka. Antara prosa tersebut adalah berbentuk prosa *kahin*,<sup>95</sup> cerita,<sup>96</sup> pidato,<sup>97</sup> dan peribahasa.<sup>98</sup>

Selain daripada syair dan prosa, kemahiran menulis dan membaca juga penting dalam kehidupan mereka. Para kabilah Arab bukan sahaja menulis syair-syair mereka tetapi juga peristiwa peperangan,<sup>99</sup> kata azimat para pujangga<sup>100</sup> dan hal-hal yang berkaitan dengan keadaan sekeliling

---

<sup>95</sup> Ia merupakan bahasa berbentuk irama yang terkandung dalam kesusasteraan Arab lama. Ia berkisar tentang kepercayaan yang bercorak primitif yang diamalkan oleh orang Arab. Lihat Ismail Hamid, *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*, Utusan Publications, Kuala Lumpur, hlm.12.

<sup>96</sup> Ia berbentuk hiburan dan diriwayatkan secara turun-temurun dari generasi ke generasi. Ia menceritakan kisah peperangan dan perdamaian. Lihat Ibid.

<sup>97</sup> Ia berbentuk seruan untuk menanam semangat peperangan kepada suku kaum masing-masing.

<sup>98</sup> Ia menggunakan bahasa yang mudah dan indah. Ia telah diwarisi sejak zaman dahulu lagi. Antara mereka yang terkenal ialah Abu Hilal al-Askari.

<sup>99</sup> Kabilah Abs dan Zubyan terlibat dalam peperangan yang begitu lama iaitu peperangan al-Dahis dan al-Ghabra. Peperangan ini telah menyebabkan beribu-ribu orang kehilangan nyawa. Kedua-dua pemimpin puak tersebut iaitu Harim dan Harith telah mencari alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut. Akhirnya mereka telah berjaya mengembalikan keamanan dengan menawarkan 3 ribu ekor unta sebagai ganti rugi kepada keluarga yang terbunuh. Kisah peperangan ini telah dirakamkan oleh Zuhayr bin Abi Sulma dalam syairnya. Lihat Bukhari Lubis, 1987. *Pujangga Arab*, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 19-20.

<sup>100</sup> Petikan daripada pujangga Sa'di: 'Kebiasaan buruk berakar dari tabii, tidak akan lenyap hingga ke hari mati.'

mereka.<sup>101</sup> Mereka juga turut menulis nota, surat-surat peribadi, surat-surat perjanjian yang dibuat antara puak-puak dalam kabilah yang berkaitan isi kandungan ajaran mereka.<sup>102</sup>

Mereka menggunakan huruf Ibrani,<sup>103</sup> Nubti dan Suryani<sup>104</sup> dalam penulisan. Tulisan ini telah dipelajari oleh Baisyir bin Abd Malik daripada bangsa Anbar. Kemudiannya beliau telah mengajar kepada sebilangan kecil penduduk Quraisy seperti Abu Sufyan bin 'Umayyah, Abi Kais bin Abdul Manaf bin Zahrah, Daumah Al-Jandal dan lain-lain lagi.<sup>105</sup> Hasil pembelajaran yang diberikan, mereka menjadi guru yang terkenal ketika itu.

Seorang sarjana Barat iaitu Philipp K. Hitti menyatakan bahawa di utara negara Arab tidak wujud satu sistem menulis dan membaca dalam

---

<sup>101</sup> Masyarakat Arab Badwi merakamkan keadaan bintang-bintang, bukit, banjir, serta binatang liar dan ternakan seperti kuda, unta, serigala, burung dan musang. Ia juga dilihat dari beberapa jenis masakan dan hidangan yang menjadi kegemaran masyarakat Badwi iaitu masak secara panggang dan merebus dalam belanga. Lihat Osman Khalid, 1994. *Kajian Teks Pilihan Kesusasteraan Arab*, Dewan Muslimat, Kelang, hlm. 27.

<sup>102</sup> Muhammad Mustafa Azami, 1978. *Studies in Early Hadith Literatures*, American Trust Publications, Indiana, hlm. 2.

<sup>103</sup> Tulisan Ibrani telah pun digunakan semenjak zaman Nabi Musa lagi di Mesir. Lihat *al-Bustani, Daerah al-Maarif*, Jil. II, hlm. 660-665.

<sup>104</sup> Tulisan Nubti dan Suryani berasal dari Iraq. Ia terkenal sebelum kedatangan Islam. Ia menggunakan khat *Nasakh* dan kemudiannya khat *Khufi*. Tulisan-tulisan ini kemudiannya berkembang ke Hirah, Kufah dan lain-lain tempat. Lihat Jurji Zaidan, *Tarikh al-Adab al-Lughah al-Arabiyah*, hlm.197.

<sup>105</sup> Jawad Ali, 1978. *al-Mufasal fi Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*, Dar an-Nahdah, Baghdad, Jil. I, hlm. 241.

masa dua atau tiga abad yang lalu sehinggalah berlakunya penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah. Ini berdasarkan pandangannya bahawa ketika itu orang Arab hanya berpaksikan kepada tradisi lisan iaitu prosa dan syair.<sup>106</sup>

Bagaimanapun, penulis menyanggah kebenaran pandangan tersebut berdasarkan hasil tulisan Jawad Ali yang dikatakan penulisan terbaik berhubung zaman pra- Islam. Beliau menyatakan bahawa sudah wujud institusi *kuttab*<sup>107</sup> pada zaman Jahiliyyah. Selain daripada institusi tersebut, terdapatnya sekolah-sekolah di bandar tertentu seperti di Mekah, Taif, Anbar,<sup>108</sup> Hirah<sup>109</sup> dan Yathrib.<sup>110</sup> Maka dengan ini beliau telah berjaya membuktikan pada zaman tersebut terdapat proses pembelajaran termasuklah menulis, membaca dan mengira.<sup>111</sup>

Pendidikan pada zaman itu juga mempunyai hubungannya dengan kewujudan komuniti orang

---

<sup>106</sup> Philipp. K.Hitti, 1970. *History of the Arabs*, Mac Millan St. Martin Press, hlm. 88.

<sup>107</sup> Ia merupakan sebuah tempat untuk memberi pembelajaran di peringkat rendah. Lihat al-Balazuri, *Futuh al-Buldan*, hlm. 457.

<sup>108</sup> Ia terletak berhampiran dengan Sungai Furat di bahagian barat Baghdad. Ketika pemerintahan Islam, bandar ini telah dibuka oleh Abu Bakar. Lihat al-Yaqut, *Mu'jam al-Buldan*, Jil. 1, Dar al-Kitab, Beirut, hlm. 305.

<sup>109</sup> Bandar ini terkenal sebagai pusat kegiatan politik dan tentera pada zaman pemerintahan Raja Mundhir II. Ia merupakan ibu negara Lakhm yang terletak di tenggara Najaf di Iraq. Lihat al-Balazuri, hlm. 579

<sup>110</sup> Muhammad Mustafa Azami, 1978. *Studies in Early hadith Literatures*, hlm. 1.

<sup>111</sup> Jawad Ali, 1978. *al-Mufasal fi Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*, Jil VII, hlm. 241.

Yahudi<sup>112</sup> dan Nasrani<sup>113</sup>. Mereka ini terkenal dengan sikap mengambil berat terhadap pendidikan terutamanya tentang kitab suci agama mereka iaitu Taurat dan Injil.<sup>114</sup> Justeru, terbentuklah institusi pendidikan yang mempunyai hubungan rapat dengan penyebaran agama mereka<sup>115</sup>. Kewujudan rumah dan *kuttab* yang berbentuk gereja telah menunjukkan pentingnya pendidikan di kalangan anak-anak mereka sama ada lelaki mahupun perempuan. Anak-anak mereka telah dihantar ke institusi tersebut untuk belajar membaca, menulis dan mengira.<sup>116</sup> Ini membuktikan anak-anak mereka

---

<sup>112</sup> Mereka adalah berketurunan dari Bani Israil. Kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa merupakan kitab utama keturunan ini. Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w masih ada lagi pengikut-pengikut yang berpegang kepada kitab tersebut tetapi mereka banyak melakukan penyelewengan iaitu menganggap Uzair anak Tuhan. Juga melakukan beberapa angkara terhadap rasul dan masyarakat Islam ketika itu. Lihat Mahayudin Haji Yahya, *Ensiklopedia Islam*, Jil. 6, hlm.1831-1833.

<sup>113</sup> Mereka ini adalah golongan yang menganut agama Kristian ataupun dikenali sebagai al-Maseh. Golongan ini berasal dari Palestin. Manakala pengikut yang berada di luar Palestin dinamakan orang Kristian. Kitab Injil yang diturunkan kepada Nabi Isa adalah kitab utama pegangan mereka. Mereka juga melakukan penyelewengan terhadap kitab tersebut dan mereka sendiri mengatakan bahawa Nabi Isa adalah anak Tuhan dan Mariam adalah isteri Tuhan. Lihat *Ensiklopedia Indonesia*, Ichtiar Baru, Jakarta, 1983, hlm. 2339.

<sup>114</sup> Kitab ini diturunkan kepada Nabi Isa dalam bahasa Suryani. Isinya hampir sama dengan kitab Taurat. Antaranya ialah mengesakan Tuhan dengan tidak menyekutukannya dan lain-lain lagi. *Ibid*, hlm. 81.

<sup>115</sup> Hasan Asari, *Menyingkap Zaman Keemasan Islam*, hlm.17

<sup>116</sup> *Ibid*.

telah mempelajari didikan asas seperti tulisan dan syair. Selain itu anak-anak mereka dididik supaya mahir memanah dan berenang. Mereka yang mahir dalam pelbagai ilmu tersebut akan mendapat gelaran *al-Kamil* (yang sempurna).<sup>117</sup>

Selain itu, pengetahuan tersebut turut dibuktikan dalam *Uyun al-Akhbar* bahawa seseorang perempuan pelacur yang bernama Zimlah telah dihantar ke sekolah semasa kanak-kanak lagi. Beliau gemar mencelup batang-batang pena ke dalam botol dakwat dengan mencelup dan mengeluarkannya.<sup>118</sup> Fakta ini agak menarik kerana membuktikan bahawa terdapat kaum hawa melibatkan diri dalam kegiatan penulisan.

Terdapat juga sebuah tempat pengajian yang dikenali sebagai Baitul Madras telah didirikan oleh kaum Yahudi di Madinah.<sup>119</sup> Jelaslah orang Arab pada zaman Jahiliyyah mengambil manfaat terhadap kehadiran golongan Yahudi dan Nasrani dalam mempelajari sejarah nabi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kesimpulannya, sebelum kedatangan Islam bangsa Arab telah melibatkan diri dalam pendidikan walaupun dilihat bilangannya agak kecil terutamanya dalam konteks membaca dan menulis akibat pengaruh Rom dan Parsi. Perkembangan ini akhirnya

---

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Ibn Qutaibah, 1963. *Uyun al-Akhbar*, Mis al-Taba Dar al-Kuttub, Mesir, Jil. 1-2, hlm. 423.

<sup>119</sup> Ia berfungsi sebagai tempat kegiatan dalam keagamaan dan kesusasteraan. Ia juga dijadikan sebagai tempat menyelesaikan masalah dan persengketaan di kalangan masyarakat ketika itu. Lihat Jawad Ali, *al-Mufa'al fi tarikh Arab Qabl al-Islam*, hlm. 240.



membawa kepada perkembangan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan di kalangan orang-orang Arab. Di samping itu juga, ilmu-ilmu lain seperti ilmu nujum dan falak sebagainya telah pun wujud di kalangan mereka sebagai ilmu *riyadhiyat* (pasti) yang dianggap bermanfaat dalam membantu kehidupan mereka seharian di Tanah Arab.

## **PENURUNAN AL-QURAN SEBAGAI SUMBER UTAMA PENDIDIKAN**

Penurunan wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad di Gua Hira'<sup>120</sup> merupakan titik permulaan zaman Islam dan berakhirnya zaman *Jahiliyyah*. Wahyu yang pertama tersebut ialah lima ayat pertama surah al-Alaq yang bermaksud: *Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan. Dia menjadikan manusia dari segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Mulia dan mengajar menulis dengan pena. Tuhan mengajar manusia perkara-perkara yang tidak diketahui.*<sup>121</sup>

---

<sup>120</sup> Gua Hira' terletak di atas bukit Thur. Dinamakan Thur kerana binatang peliharaan Abd Manaf melahirkan anak disitu lalu dinamakan bukit itu dengan binatang tersebut. Ia juga pernah menjadi tempat persembunyian Rasulullah dan Abu Bakar. Sebelum turunnya wahyu pertama, Baginda sentiasa berulang-alik disepanjang bulan Ramadan untuk berkhawatir dan mencari ketenangan. Lihat Hassan Ibrahim Hasan, *Sejarah Islam Menyentuh Bidang-bidang Politik, Agama, Kebudayaan dan Kemasyarakatan*, Jil.1, Terj. Ismail bin Mohd Hassan, 1986. Yayasan Islam Terengganu, hlm. 98 dan lihat juga Mahayuddin Haji Yahya, 1988. *Tamadun Islam*, Fajar Bakti, hlm. 33.

<sup>121</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Alaq* 96:1-3.

Ayat tersebut bukan sahaja menjadi tanda permulaan kerasulan tetapi memberi penekanan kepada konsep *Iqra'* iaitu menyuruh manusia membaca. Ini kerana membaca merupakan langkah terawal dan terbaik dalam proses pendidikan seperti yang dilakukan oleh Allah ke atas Nabi Muhammad. Ayat tersebut juga dijadikan asas pendidikan yang utama dalam kehidupan manusia keseluruhannya.

Selepas turunnya wahyu pertama itu, disusuli pula dengan wahyu yang berikutnya iaitu dalam surah *al-Mudhathir*.<sup>122</sup> Dengan turunnya wahyu kedua yang mengandungi suruhan supaya Nabi Muhammad memberi peringatan tentang keagungan Allah untuk disampaikan kepada manusia, maka bermakna baginda secara rasmi telah dilantik oleh Allah sebagai rasul-Nya.

Wahyu yang seterusnya turut menjadi asas dalam ajaran Islam. Ajaran yang terkandung di dalam wahyu Allah bukan sahaja meliputi peringatan tetapi merangkumi masalah keimanan yang disebut akidah dan yang berhubung dengan amal yang disebut syariah.

Al-Qur'an juga mempunyai beberapa keistimewaan dalam pendidikan manusia. Antaranya ialah menghormati akal manusia.<sup>123</sup> Semua peraturan yang

---

<sup>122</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Mudhathir* 74: 1-7 Bermaksud: "*Wahai orang yang berselimut, bangunlah, berilah peringatan. Dan agungkanlah Tuhanmu. Bersihkan pakaianmu, dan hindarkan perkara yang dibenci. Dan janganlah kamu membangkitkan pemberian kerana hendakkan pemberian yang berganda. Dan hendaklah kamu bersabar kepada Tuhanmu.*"

<sup>123</sup> Hassan Langgulung, 1980. *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*, PTAI Maarif, Bandung, hlm. 1996.

terdapat di dalam Al-Qur'an selalunya memberi pertimbangan akal yang sewajarnya dalam menyentuh aspek akidah dan ibadah sesuai dengan fitrah akal manusia. Di samping itu, perkara yang berkaitan dengan suruhan ataupun larangan-Nya mengajak manusia supaya berfikir sebab-musabab ketetapan sedemikian.

Al-Qur'an merupakan didikan yang terbaik bagi manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Ia berupa penyelesaian dalam setiap persoalan yang dikemukakan oleh umatnya. Ia dapat dilihat dalam konteks ketauhidan yang berlaku di kalangan masyarakat Arab. Mereka merasa ragu-ragu mengenai ketuhanan, kedatangan hari kiamat dan sebagainya. Hal ini dijelaskan oleh al-Qur'an sebagai menjawab persoalan tersebut.<sup>124</sup>

Penggunaan cerita-cerita yang menarik yang terdapat di dalam al-Qur'an adalah bertujuan pendidikan. Prinsip-prinsip tersebut digunakan dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak mahupun golongan dewasa. Terdapat beberapa keistimewaan dalam metodologi penceritaan berbanding dengan metodologi lain. Ia juga berunsur hiburan kerana unsur ini boleh meringankan beban hidup sehari-hari. Malahan cerita-cerita tersebut dijadikan teladan melalui watak-watak yang terdapat di dalamnya. Oleh yang demikian,

---

<sup>124</sup> Al-Qur'an, surah an-Naziat 79: 42-45. Bermaksud: *"Mereka yang ingkar selalu bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang hari kiamat: Bilakah masa datangnya? Apa hubungannya tugasmu dengan menerangkan masa kedatangan hari kiamat itu? Kepada Tuhanmulah terserah kesudahan ilmu mengenainya. Tugasanmu hanyalah memberi amaran kepada orang yang takut akan huru-hara hari kiamat itu.*

cerita tersebut mencapai objektif utama pendidikan seperti yang dirakamkan oleh al-Qur'an dalam surah Luqman.<sup>125</sup>

Al-Qur'an juga mendidik masyarakat Islam berusaha memelihara segala bentuk kemaslahatan sama ada di kalangan individu ataupun masyarakat umum. Misalnya kemaslahatan dalam konteks jihad dan menuntut ilmu merupakan kemaslahatan yang penting dalam Islam. Al-Qur'an telah menerangkan hal ini dalam firman-Nya yang bermaksud: *"Tidak tepat bagi kaum Mukmin pergi semuanya ke medan perang. Sebaik-baiknya dari tiap-tiap golongan di antara mereka ada beberapa orang yang bertindak memperdalam pengetahuan agama, agar mereka dapat memberi peringatan kepada kaumnya, jika mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka dapat menjaga dirinya."*<sup>126</sup>

Jelaslah wahyu yang pertama menjadi asas dalam pendidikan manusia di atas muka bumi ini. Ia bukan sahaja dilihat dalam konteks ilmu pengetahuan tetapi merangkumi cabang-cabang ilmu pengetahuan

---

<sup>125</sup> Al-Qur'an, Surah *Luqman* 31:12-13 yang bermaksud: *"Dan sesungguhnya kami telah memberi Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): " Bersyukurlah kepada Allah akan segala nikmat kepada mu)" Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya Lagi Maha Terpuji. Dan ingatlah tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya "Wahai anak kesayangan ku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah kezaliman yang besar."*

<sup>126</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Taubah* 9: 122.

yang lain terutamanya yang bersangkutan dengan keperibadian dan kemasyarakatan itu sendiri. Secara tidak langsung ia mampu merubah nilai yang negatif kepada nilai yang positif seperti peralihan nilai yang berlaku setelah Nabi Muhammad s.a.w diutuskan sebagai rasul.

## **AL-SUNNAH SEBAGAI SUMBER KEDUA PENDIDIKAN**

Al-Sunnah<sup>127</sup> pula merupakan sumber kedua selepas al-Qur'an di dalam asas pendidikan Islam. Ia mempunyai pengertian yang luas menurut pandangan ahli hadis. Mereka mengistilahkan al-Sunnah sebagai ucapan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat-sifat yang terdapat pada diri Rasulullah s.a.w sebelum dan selepas baginda diutuskan menjadi rasul.

Hadis berperanan mendidik masyarakat Islam dengan menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai *role*

---

<sup>127</sup> Sunnah dari segi bahasa bermaksud jalan, dahi dan dua tepi dahi, kebiasaan. Lihat Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*, Muassasah al-Masriyyah al-Amnah, hlm. 89. Bagaimanapun, pandangan ulama hadis dan usul fekah agak berbeza. Menurut ulama fekah, sunnah ialah setiap yang lahir daripada Nabi Muhammad selain daripada al-Qur'an sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan yang boleh dijadikan sebagai dalil bagi hukum syarak. Lihat Ibn Hamdan al-Tahir, *fi Usul Fiqh*, Mustafa al-Baby al-Halabi, hlm. 32. Manakala ahli hadis mengatakan, sunnah dapat diertikan sebagai setiap yang diambil daripada Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan kejadian sama ada sebelum atau sesudah dibangkitkan menjadi rasul. Lihat al-Zawi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*, Matbaah al-Istiqamah, Beirut, hlm. 516.

*model* dalam diri mereka. Oleh itu, segala yang datang dari Rasulullah s.a.w yang berupa ucapan atau perkataan mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan peribadi seseorang Islam. Ia boleh dibuktikan melalui sabda baginda yang bermaksud: "*Sesungguhnya setiap amalan itu dikira dari niat dan sesungguhnya tiap-tiap seseorang itu mengikut apa yang diniatnya.*"

Berdasarkan hadis tersebut, Rasulullah s.a.w telah mendidik umat Islam bahawa setiap amalan yang dilakukan atau perkataan yang keluar dari mulut mereka adalah daripada niat. Baik niatnya maka akan mendapat pahala dan sebaliknya.

Selain berbentuk ucapan, sunnah juga berperanan dalam mendidik umat secara praktikal terutamanya dalam konteks ibadah seperti adab taharah (bersuci), wuduk, mandi dan solat. Kesemua adab ini telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. Adab-adab tersebut mempunyai hikmah tertentu untuk menjaga kebersihan dan menghilangkan kekotoran fizikal. Misalnya, Rasulullah s.a.w menyeru umatnya supaya berdoa sesudah wuduk.

Dalam bentuk pengakuan (*taqrir*) pula, Rasulullah s.a.w mendidik umat Islam secara terus terang iaitu menyetujui apa yang dilakukan oleh sahabat seperti yang berhubung dengan masalah tayamum.<sup>128</sup> Dalam

---

<sup>128</sup> Dua orang sahabat bermusafir ke suatu tempat. Ketika itu tempat tersebut ketiadaan air. Apabila tiba waktu sembahyang, mereka bertayamum dengan tanah, kemudian menunaikan sembahyang. Apabila selesai, mereka mendapati ada air sedangkan mereka masih berada di tempat itu. Salah seorang daripada mereka mengulangi wuduk dan sembahyang, manakala seorang lagi tidak berbuat demikian. Kemudian mereka bertanya kepada

hal ini, Rasulullah s.a.w dapat menangani masalah tersebut dengan cara yang tidak memberatkan umatnya.

Dalam bentuk pengakuan secara diam pula, baginda tidak menampakkan bantahan. Pengakuan tersebut dapat dilihat ketika Khalid al-Walid memakan daging dhab.<sup>129</sup> Dalam hal ini baginda mendiapkan diri sahaja dan tindakan ini bertujuan supaya orang Islam sendiri memikirkan di sebalik makanan tersebut.

Selain daripada bentuk praktikal, sunnah juga dapat dilihat pada akhlak Rasulullah s.a.w. Ini dapat dilihat sememenjak kecil lagi, Rasulullah s.a.w terkenal dengan keperibadian yang unggul dan perwatakan yang mulia yang tidak dimiliki oleh kanak-kanak yang seusia pada zamannya. Baginda dianggap manusia paling suci dan bersih sama ada dilihat dari sudut zahir ataupun batin. Ini kerana Allah telah melimpahkan keistimewaan kepada baginda dengan memelihara dan melindungi baginda daripada perkara-perkara yang mencemarkan keperibadian baginda. Berpanduan bimbingan dan ilmu pengetahuan serta mukjizat al-Qur'an memberikan satu kelebihan kepada Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan dakwah dan risalah Tauhid. Dengan

---

Rasulullah s.a.w. tentang ijtihad mereka. Rasulullah berkata kepada sahabat yang tidak mengulangi wuduk dan sembahyangnya. "Engkau telah menepati kehendak sunnah, kemudian baginda berkata kepada sahabat yang tidak mengulangi kedua-duanya itu, dengan menyatakan bahawa dia memperoleh dua pahala."

<sup>129</sup> Pengakuan Khalid memakan dhab yang dihidangkan kepada Rasulullah s.a.w Baginda tidak memakannya dan tidak pula melarang. "Adakah ia haram?" Baginda menjawab, "Tidak."

kata lain, Allah juga mendidik dan mengajar kepada baginda segala perkara yang belum diketahui dengan pendidikan yang sebaik-baiknya.

Jika ditinjau dari sudut kehidupan semasa kecil, baginda telah menjalani pembedahan dada semasa baginda tinggal bersama Halimah al-Sa'diyyah yang merupakan satu tanda kenabian dan tanda pemilihan Tuhan terhadapnya untuk melakukan perkara yang mulia.<sup>130</sup>

Sebelum dibangkitkan menjadi Rasul, baginda terkenal dengan gelaran *al-Amin* yang bererti mempunyai sifat amanah, benar, menepati janji yang telah diakui oleh para sahabat dan masyarakat sekeliling.<sup>131</sup> Allah telah menegaskan kebesaran budi pekerti Rasulullah s.a.w sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "*Pada diri Rasulullah terdapat teladan yang baik*."<sup>132</sup>

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w merupakan contoh individu yang berakhlak mulia dan paling sempurna dalam segenap segi. Pelantikan baginda sebagai seorang rasul yang menjalankan tugas dalam menegakkan kebenaran dikalangan hamba-hamba-Nya adalah supaya semua manusia mencontohi akhlak dan keperibadian baginda. Segala ucapan dan perbuatan merupakan satu didikan yang meningkatkan darjat seseorang individu ke tahap yang lebih tinggi.<sup>133</sup> Segala

---

<sup>130</sup> Muhammad Said Ramadan al-Buti, *Fiqh Sirah 1*, Terj. Mohd Darus Sanawi, 1983. Pustaka Fajar, Selangor, hlm. 61.

<sup>131</sup> Khairuddin Haji Muhammad, 1982. *Sejarah Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid I, hlm. 95.

<sup>132</sup> Al-Qur'an, surah *al-Ahzab*: 21

<sup>133</sup> Muhammad Athiyyah al-Abrasyiy, *Keagungan Muhammad Rasulullah s.a.w*, Terj. Muhammad Tohir dan Abu Laila, 1985. Pustaka Jaya, Jakarta, hlm. 140.



kebesaran yang dikurniakan kepada baginda meliputi semua aspek yang dapat direncanakan dengan baik. Firman Allah yang bermaksud: *"Dan Allah telah mengajarkanmu apa yang engkau belum mengerti, dan kurniaan Allah kepadamu sungguh besar."*<sup>134</sup>

Dengan kedudukan sebagai seorang Rasul, penguasa, negarawan, panglima, hakim, malah sebagai sahabat, teman ataupun seorang bapa dan suami, baginda memperlihatkan ciri-ciri keperibadian yang menarik yang perlu dicontohi dalam kehidupan manusia pada hari ini. Lantaran itu, setiap apa yang diperintahkan mahupun yang dilarang oleh al-Qur'an, baginda telah praktikkan terlebih dahulu.<sup>135</sup> Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Aishah apabila ditanya mengenai akhlak Rasulullah s.a.w, beliau menjawab *"Akhlaknya adalah al-Qur'an."*<sup>136</sup>

Bertepatan dengan akhlaknya yang mulia, Rasulullah s.a.w mempunyai jiwa yang lembut dan penyayang. Baginda bukan sahaja menyayangi manusia malah binatang. Bahkan baginda sendiri menjenguk ayam jantan baginda yang sedang sakit dan juga membukakan pintu bagi seekor kucing yang mahu masuk ke dalam rumah.<sup>137</sup> Al-Qur'an telah menjelaskan sifat-sifat beliau. Firman Allah yang bermaksud: *"Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa*

---

<sup>134</sup> Al-Qur'an, surah *an-Nisa'* 4: 113.

<sup>135</sup> M. Yunan Nasution, 1977. *Bunga Rampai Ajaran Islam*, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia, hlm. 61.

<sup>136</sup> Riwayat an-Nasai.

<sup>137</sup> Muhammad Athiyyah al-Abrasyiy, *Keagungan Muhammad Rasulullah s.a.w*, Terj. Muhammad Tohir dan Abu Laila, 1985, hlm. 140.

*olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan keimanan dan keselamatan bagimu amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang mukmin.”<sup>138</sup>*

Selain daripada sifat lemah-lembut dan penyayang, Rasulullah s.a.w juga suka membalas kebaikan budi orang lain dengan kebaikan yang sama. Ini terjadi semasa utusan Raja Habsyah, Najasyi datang mengadap baginda. Baginda telah menyambut baik dan melayan sendiri utusan tersebut. Sahabat-sahabat menyatakan bahawa baginda tidak perlu berbuat demikian tetapi baginda menjawab, “dahulu mereka menghormati sahabat-sahabatku dan sekarang aku membalas budi mereka pula.”<sup>139</sup>

Rasulullah s.a.w mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa berhadapan dengan kaum baginda. Kekejaman dan penghinaan kaum Quraisy terhadap Rasulullah s.a.w amat banyak, tetapi baginda tidak pernah membalas malah mendoakan agar mereka diberikan hidayah-Nya.

Berdasarkan sikap baginda di atas, jelaslah keperibadian Rasulullah s.a.w perlu diteladani dalam mendidik individu dan masyarakat ke arah mencapai kesempurnaan hidup sama ada duniawi ataupun ukhrawi. Ini bermula daripada pendidikan yang bersifat spiritual yang melahirkan keperibadian yang mulia seperti yang disebut oleh Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis yang bermaksud: *“Aku hanya diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”*

---

<sup>138</sup> Al-Qur'an, surah *al-Taubah* 9: 128.

<sup>139</sup> Muhammad Athiyyah al-Abrasyiy, 1985. *Keagungan Muhammad Rasulullah s.a.w*, hlm. 140.

Kesimpulannya, al-Sunnah dapat mendidik masyarakat Islam ke arah sikap yang lebih positif dengan memupuk nilai-nilai yang mulia. Sikap tersebut hendaklah berpandukan akhlak Rasulullah s.a.w dan diamalkan dalam kehidupan manusia sehari-hari untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

## PENDIDIKAN DI MEKAH

Penurunan wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w merupakan permulaan pendidikan Islam setelah sekian lama manusia di atas muka bumi ini terpesong daripada ajaran Allah. Wahyu tersebut bermula dengan galakan membaca dan menulis sebagai asas pengetahuan dalam semua bidang. Di samping itu, wahyu tersebut turut menekankan aspek keesaan Tuhan dan keimanan manusia dalam bentuk spiritual. Begitu juga wahyu yang selepasnya, ia turut berhubung rapat dengan pendidikan akidah dan ibadah.

Selepas penurunan wahyu tersebut, Rasulullah s.a.w memainkan peranan utama sebagai pendidik. Baginda sendiri mengajar Khadijah<sup>140</sup> mengambil

---

<sup>140</sup> Nama sebenarnya ialah Khadijah binti Khuwailid bin Asad. Ibunya bernama Fatimah binti Zaidah. Beliau merupakan seorang usahawan wanita yang berjaya. Semasa beliau mengahwini Rasulullah s.a.w., beliau berusia 40 tahun. Hasil perkahwinannya bersama baginda, beliau memperoleh lapan orang anak iaitu Ibrahim, Qasim, Tohir, Toyyib, Zainab, Ruqaiyyah, Ummi Kalsom dan Fatimah. Bagaimanapun, kesemua anak lelaki baginda meninggal semasa mereka masih kecil lagi. Lihat Ibn Hisham, *Sirah an-Nabawiah*, hlm. 203-206.

wuduk dan sembahyang seperti yang diajar oleh Jibril a.s kepada baginda.<sup>141</sup> Selepas itu, pendidikan terus berkembang dengan proses pengislaman keluarga para sahabat yang terdekat.<sup>142</sup> Penulis berpandangan ketika itu, pendidikan yang mereka terima ialah di rumah Rasulullah s.a.w sendiri.

Kemudian, Abu Bakar<sup>143</sup> telah berjaya mengislamkan beberapa pemuda di Mekah.<sup>144</sup> Dengan pengislaman mereka, Islam terus berkembang sehingga mencapai 38 orang.<sup>145</sup> Kemungkinan besar keadaan

---

<sup>141</sup> Lihat Ibn Hisham, *Sirah an-Nabawiah*, hlm. 262-263

<sup>142</sup> Mereka yang terawal menerima pendidikan daripada Rasulullah s.a.w ialah Ali bin Abi Talib, Zayd bin Harith, Usman bin Affan, Abdul Rahman bin 'Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas, Talhah bin 'Ubaidillah dan Zubayr bin Awam. Lihat Ibid.

<sup>143</sup> Nama sebenarnya ialah Abdullah bin Abi Qahafah al-Tamimi. Sebelum Islam beliau bernama Abdul Ka'abah. Setelah memeluk Islam beliau dikenali sebagai Abu Bakar al-Siddiq kerana membenarkan segala apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Lihat al-Kanani, 1939. *'Isabah*, Juz IV, Matbaah Mustafa, Mesir, hlm. 234.

<sup>144</sup> Mereka ialah Usman bin Affan, Abdul Rahman bin 'Auf, Saad bin Abi Waqqas, Talhah bin Ubaidillah. Lihat Ibn Hisham, *Sirah an-Nabawiah*, hlm. 264.

<sup>145</sup> Mereka ialah Abu Ubaidah bin al-Jarrah, Abu Salamah bin Abd 'Asad, Uthman bin Maz'un, Qudamah bin Maz'un, Abdullah bin Maun, Ubaydah bin al-Harith, Said bin Ziyad, Fatimah Umar al-Kahatab, Asma bin Abu Bakar, Aishah Abu Bakar, Kabab bin Aritt, Umayr bin Abi Waqas, Amir bin Abi Waqas, Abdullah bin Mas'ud, 'Abdullah bin Jash, Jaafar bin Abu Talib, Asma' binti Umays, Hathib bin Harith, Sai'ib bin 'Uthman, al-Mutalib bin Ashar, Ramlah binti Abi Awf, an-Nahham, Amir bin Fuhairah, Khalid bin Said, 'Umaynah binti Khalaf, Hatib bin Shams, Abu Huzaifah, Waqid bin 'Abdullah, Suhayb bin Sinan, Yasir al-Ansi, Sumayyah al-Khayyat dan Bilal bin Rabah. Lihat Zakaria Bashier, 1978. *The Meccan Crucible*, FOSIS, London, hlm. 137-140.

ini telah mendorong al-Arqam<sup>146</sup> menjadikan rumahnya<sup>147</sup> sebagai pusat pendidikan terawal. Pusat ini berperanan sebagai tempat Rasulullah s.a.w dan sahabat berbincang, berdakwah, belajar al-Qur'an dan beribadah. Langkah ini memberi peluang kepada Rasulullah s.a.w menyeru masyarakat dengan lebih berhikmah dan berkeyakinan.

Bagaimanapun, institusi Kaabah pula ketika itu dijadikan sebagai tempat ibadat yang merangkumi pelbagai agama.<sup>148</sup> Jadi, pendidikan Islam ketika itu tidak dapat berkembang dengan meluas akibat gangguan dan tentangan daripada orang kafir Quraisy. Keadaan inilah yang menyebabkan pendidikan Islam dilaksanakan secara sulit oleh Rasulullah s.a.w selama kira-kira tiga tahun di rumah al-Arqam.

Jelaslah ini membuktikan bahawa rumah al-Arqam merupakan tempat terawal sebagai pusat pendidikan secara rasmi ketika itu dan rumah Rasulullah s.a.w sebagai pengasas pusat pendidikan secara tidak rasmi. Secara tidak langsung menerusi pendidikan ilmu ini, pendidikan Islam berjaya diterapkan kepada masyarakat yang terdiri daripada

---

<sup>146</sup> Beliau berasal dari keturunan suku Makhzum. Beliau telah menawarkan rumahnya dijadikan pusat dakwah Islamiah setelah memeluk Islam. Di rumahnya juga tempat Umar bin al-Khattab memeluk Islam. Lihat Mahayuddin Haji Yahya, 1986. *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Penerbit UKM, Jil .1, hlm.134.

<sup>147</sup> Rumah beliau terletak di atas bukit yang dikenali sebagai Jabal Qubis.

<sup>148</sup> Kaabah sewaktu zaman Jahiliyyah dan pada awal kebangkitan Rasulullah s.a.w dijadikan tempat ibadat orang Yahudi, Nasrani, agama berhala dan juga agama Hanif. Dikatakan terdapat 360 buah berhala disekeliling Ka'abah.

pelbagai ras dan keturunan. Fenomena ini merupakan titik permulaan kepada perkembangan proses pendidikan pada zaman Rasulullah s.a.w berkembang di luar kota Mekah.

## Pendidikan akidah<sup>149</sup>

Pendidikan di Mekah berkisar kepada perkara utama dalam agama Islam. Pengajarannya berteraskan akidah, akhlak dan syariah. Pendidikan akidah merupakan asas yang penting dalam proses mengenali Allah sebelum mengerjakan segala perintah-Nya melalui amal ibadah. Dengan kata lain, akidah menjadi tunjang keimanan dalam melahirkan generasi yang berpegang kepada akidah yang satu yang berkonsepkan *ummatan wahidah*.

Sebagai seorang Rasul yang diutuskan oleh Allah, baginda memberikan perhatian yang berat terhadap penyucian jiwa dari segala bentuk kekotoran warisan, persekitaran dan kepercayaan karut-marut. Ini memandangkan sebelum diutuskan nabi Muhammad s.a.w, masyarakat Jahiliyyah hidup dengan penyembahan berhala dan syirik kepada Allah. Mereka menggunakan berbagai berhala dan patung serta ada pula mendakwa Allah mempunyai ramai anak. Bagi kalangan masyarakat Arab, anak

---

<sup>149</sup> Ia berasal daripada perkataan *aqada* bermakna ikatan atau simpulan. Definisi ini juga digunakan pada satu makna lain iaitu perjanjian dan seumpamanya. Dari ikatan dan simpulan tersebut, lahirlah perkataan akidah dan ikatan atau simpulan maknawi yang terkhusus dalam kepercayaan yang tersimpul kuat dalam jiwa sehingga tidak mungkin tercerai atau terurai. Lihat Sulaiman Haji Yassin, 1987. *Pengantar Aqidah*, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 207.

Tuhan bagi mereka ialah para malaikat. Di kalangan orang Yahudi pula, Uzair dianggap sebagai anak Tuhan manakala orang Nasrani pula menganggap Tuhan ialah Nabi Isa.<sup>150</sup>

Kesesatan dan kekeliruan inilah menjadi faktor utama turunnya al-Qur'an kepada umat manusia sebagai pembersihan dan penyucian dari segala kepercayaan tersebut yang ada pada diri mereka. Maka dengan itu, Rasulullah s.a.w diberikan tanggungjawab untuk mengubah kepercayaan mereka kepada pengesaan terhadap Allah. Mengesakan Allah bererti menaruh kepercayaan penuh kepada-Nya dan tidak menyekutukan-Nya. Manusia wajib mempercayai bahawa Allah mempunyai sifat-sifat kesempurnaan. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad) Tuhanku Allah Yang Maha Esa. Allah merupakan tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada yang setara dengan-Nya.*<sup>151</sup>

Berpandukan ayat tersebut, Allah telah memerintahkan Rasulullah supaya menyeru dan mendidik masyarakat supaya mengesakan Tuhan dan sifat Tuhan itu tidak ada bandingan-Nya. Ucapan *Lailahaillallah* merupakan ucapan yang sentiasa diperlukan dan disebut dalam hati. Ia merupakan asas yang pertama apabila seseorang itu memeluk Islam. Kalimah suci inilah yang telah

---

<sup>150</sup> Mohd Shadis, *Metodologi al-Qur'an dalam Pendidikan*, Terj. Osman Haji Khalid, 1994. Yayasan Islam Terengganu, Terengganu, hlm. 54.

<sup>151</sup> Al-Qur'an. surah *al-Ikhlās* 112: 1-4

dilafazkan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w semasa mereka memeluk Islam.

Begitu juga kewajipan beriman dengan Rasulullah s.a.w Ini bermakna mempercayai segala apa yang dibawa oleh Rasulullah itu benar. Rasulullah menyampaikan segala perintah Allah dan mengajar bagaimana cara mendidik manusia ke arah jalan yang benar agar berbahagia di dunia dan akhirat. Ia telah dibuktikan dengan risalah Rasulullah s.a.w untuk keseluruhan manusia.<sup>152</sup> Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: *"Sesungguhnya risalah dan kenabian telah selesai, maka tidak ada rasul dan nabi sesudahku."*<sup>153</sup>

Begitu juga dengan kepercayaan kepada hari akhirat adalah wajib. Rasulullah s.a.w telah mendidik manusia tentang kewajipan mempercayai kewujudan kebangkitan semula dan hari pembalasan. Pada hari tersebut manusia akan menerima pembalasan setiap apa yang dibuatnya pada masa hidup di dunia. Manusia yang beriman kepada hari akhirat akan dapat mengecapi kehidupan yang aman, teratur dan adil. Al-Qur'an sendiri turut mengakui kebenaran konsep balasan atas dasar tanggungjawab perseorangan. Konsep ini belum pernah diketahui dalam masyarakat Jahiliyyah dan ini telah menakutkan kaum Quraisy Mekah. Ini kerana mereka sedar bahawa mereka terlalu banyak melakukan perkara keji yang ditegah oleh agama Islam seperti mencuri, merompak, berzina, minum arak dan mengamalkan riba.

---

<sup>152</sup> Mahayuddin Haji Yahya, *Tamadun Islam*, Fajar Bakti, hlm. 323.

<sup>153</sup> Riwayat Muttafaqun 'alaih



Perbuatan-perbuatan tersebut akan dibalas dengan seksaan api neraka pada hari akhirat nanti.

Akhir sekali, beriman kepada qada' dan qadar iaitu tentang untung nasib seseorang sama ada baik ataupun buruk. Kepercayaan ini ialah berkeyakinan bahawa tidak ada suatu yang terjadi di alam ini dan setiap usaha oleh manusia itu adalah di bawah ilmu Allah dan kekuasaan-Nya. Ini berdasarkan firman-Nya bermaksud: *"Dan tiap-tiap manusia itu telah Kami tetapkan amal perbuatannya(sebagaimana tetapnya kalungnya) pada lehernya."*<sup>154</sup>

Kesimpulannya, pendidikan akidah merupakan asas utama yang ditanam oleh Rasulullah s.a.w di kalangan penduduk Mekah. Oleh itu, pendidikan ini ternyata mengubah corak pegangan masyarakat Jahiliyyah daripada penyembahan pelbagai berhala kepada menyembah Allah Yang Maha Esa.

## Pendidikan Akhlak<sup>155</sup>

Islam begitu menitikberatkan pembangunan akhlak. Ini kerana nabi sendiri menganjurkan pendidikan akhlak yang mulia (mahmudah) di samping meninggalkan akhlak yang buruk (mazmumah). Kepentingan akhlak ini turut dijelaskan dalam al-

<sup>154</sup> Al-Qur'an, surah *al-Isra'* 17: 13

<sup>155</sup> Akhlak dari segi bahasa ialah adat kebiasaan, perangai, tabiat, kehormatan dalam agama. Lihat Amin Ahmad, 1969. *Kitab al-Akhlaq*, Dar al-Kitab al-Arabi, hlm.12. Menurut al-Ghazali pula, akhlak itu bererti mengubah bentuk jiwa dan mengabaikan sifat-sifat buruk kepada sifat baik.

Qur'an bahawa Rasulullah s.a.w diutuskan khusus untuk memperbaiki akhlak yang mulia.<sup>156</sup>

Sehubungan itu, pendidikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w telah berjaya mengubah keadaan kehidupan zaman Jahiliyyah. Masyarakat ketika itu masih diselubungi gejala keruntuhan akhlak yang amat ketara. Contohnya, mereka melakukan rompakan, mencuri, berzina, minum arak, riba dan membunuh sebagai amalan dalam kehidupan mereka seharian. Amalan-amalan yang bertentangan ini dapat ditangani dengan adanya pendidikan akhlak sebagai pembendung gejala kerosakan akhlak dengan menyemaikan akidah dan keimanan ke dalam jiwa umat Islam.

Rasulullah s.a.w juga menekankan isi pembelajaran dengan mengamalkan cara hidup dengan tingkah laku yang mulia. Ia dapat dilihat dari sudut teori ataupun praktikal. Antara sifat mulia yang diajarkan oleh baginda ialah beradab terhadap Allah iaitu dengan cara bertakwa kepada-Nya dan takut dengan azab siksaan yang akan diterima di akhirat akibat daripada melanggar larangan-Nya.

Rasulullah juga mendidik umat Islam supaya beradab dengan kedua ibu-bapa. Ia berdasarkan firman Allah dalam Surah *al-Isra'* yang bermaksud: *"Dan tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa kamu dengan sebaik-baiknya."*<sup>157</sup>

---

<sup>156</sup> Al-Qur'an, surah *al-Qalam* 68:4, maksudnya: *Dan sesungguhnya kamu (Muhammad) benar-benar berakhlak mulia.*

<sup>157</sup> Al-Qur'an, Surah *al-Isra* 17: 23.

Adab ini juga disebut dalam surah Luqman yang bermaksud: *"Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu bapa, ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapihnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapakmu, Kepada-Ku lah kembalimu."*<sup>158</sup>

Berdasarkan firman Allah tersebut, anak-anak wajib menghormati dan memuliakan ibu bapa dan dididik supaya berbicara dengan lemah lembut. Rasulullah s.a.w juga menyeru supaya berbuat baik kepada mereka termasuklah memberi pertolongan, menghindarkan mereka daripada bahaya serta mendoakan keampunan bagi mereka daripada dosa sama ada semasa hayat hidup mereka atau setelah mereka meninggal dunia.

Rasulullah s.a.w turut menekankan supaya ibu-bapa turut mengambil perhatian terhadap anak-anak mereka. Baginda melarang perbuatan membunuh anak seperti mana yang dilakukan oleh masyarakat Jahiliyyah. Ini telah dijelaskan oleh al-Qur'an yang bermaksud: *"dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan."*<sup>159</sup>

Jelasnya di sini ibu-bapa wajib memberi nafkah kepada anak mereka sama ada bersifat spiritual ataupun material. Anak-anak tidak boleh dijadikan alasan kemiskinan kerana Allah telah memberikan jaminan bahawa Dialah yang memberikan rezeki kepada ibu-bapa dan juga anak tersebut. Selain memberikan anak-anak dengan nafkah kebendaan berupa makanan, tempat tinggal dan keperluan

---

<sup>158</sup> Al-Qur'an, Surah *Luqman* 31: 14.

<sup>159</sup> Al-Qur'an, Surah *al-An'am* 6: 151.

hidup, kasih sayang dan didikan agama yang sempurna juga hendaklah diutamakan.

Begitu juga Rasulullah s.a.w turut menitikberatkan persoalan adab berpakaian. Hal ini dijelaskan dalam surah *al-A'raf*.<sup>160</sup> Ini kerana pemakaian yang sopan dan beradab dapat mencegah daripada kejahatan.

Kesimpulannya, pendidikan akhlak di anggap pendidikan yang kedua pentingnya selepas pendidikan akidah yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Pendidikan akhlak ini mampu merubah akhlak masyarakat Jahiliyyah yang bersifat negatif kepada nilai akhlak yang bersifat positif. Pendidikan akhlak juga dapat melahirkan keperibadian Muslim yang tinggi dan mulia dalam menjalani kehidupan sehariannya.

## Pendidikan Ibadah<sup>161</sup>

Ibadah dalam Islam mempunyai ciri-ciri tersendiri dan berbeza sekali dengan konsep ibadah di dalam agama dan kepercayaan yang lain. Antara ciri-ciri

---

<sup>160</sup> Al-Qur'an, *al-A'raf* 7: 26 yang bermaksud: *Wahai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan padamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian indah untuk setiap yang memasuki masjid. Makan dan minumlah, tetapi janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebih.*

<sup>161</sup> Ibadah dari segi bahasa bahawa maksud patuh, taat, setia, menyembah dan memperhambakan diri. Lihat Yusof al-Qardawi, *Ibadah dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah, hlm. 17-18. Abu Ala al-Maududi mendefinisikan ibadat ialah penyerahan diri seseorang kepada pihak yang lain atau ertikata ketaatan, kepatuhan dan sebagainya. Lihat Abu Ala Al-Maududi, 1981. *Empat Istilah Dalam Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, hlm. 86.

tersebut ialah tidak ada sebarang perantaraan antara Allah dan manusia,<sup>162</sup> tiada tempat yang khusus untuk beribadah <sup>163</sup>dan konsepnya merangkumi ruang lingkup yang luas.<sup>164</sup>

Skop ibadah amat luas. Ia boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu ibadah berbentuk umum dan khusus. Ibadah umum ialah segala aktiviti manusia yang bertepatan dengan nilai-nilai agama Islam. Segala aktiviti dan amalan manusia akan menjadi ibadah sekiranya dilakukan dengan jujur dan ikhlas kerana Allah. Ia juga merujuk kepada mengatur cara hidup seharian dari segi pengurusan, keperluan, perhubungan, cara membina negara dan hubungan antarabangsa.<sup>165</sup> Manakala ibadah berbentuk khusus ialah ibadah yang wajib yang dilakukan oleh umat Islam seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Mengenai cara beribadah pula, Rasulullah s.a.w telah mengajar cara bersembahyang.<sup>166</sup> Allah Taala

---

<sup>162</sup> Islam menciptakan hubungan secara langsung antara manusia dan Allah. Lihat Khurshid Ahmad, 1983. *Pesan Islam*, Penerbit Pustaka, Bandung, hlm.128-130.

<sup>163</sup> Islam memberi kebebasan untuk beribadah sama ada di tempat-tempat khusus atau tidak khusus. Antaranya ialah di masjid, rumah atau sebagainya. Bagaimanapun, Islam tidaklah menghalang mengerjakan ibadat di tempat yang tidak khusus seperti di dalam hutan, atas kenderaan dan sebagainya.

<sup>164</sup> Ibadah dalam Islam bukanlah merujuk kepada ibadah wajib sahaja, tetapi merangkumi ibadah sunat dan perbuatan yang dibuat dalam kehidupan seharian.

<sup>165</sup> Ibid, hlm.10.

<sup>166</sup> Ketika zaman ini, Rasulullah s.a.w mengerjakan solat dua rakaat iaitu di waktu pagi dan petang sepertimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim.

juga telah mengajarkan cara membaca al-Qur'an iaitu dengan mentartilkan al-Qur'an seperti mana yang terkandung dalam ayat-ayat awal surah al-Muzzammil.<sup>167</sup> Selain daripada solat, Rasulullah s.a.w turut mendidik kaum muslimin supaya mengeluarkan *zakat*.<sup>168</sup> Melalui pendidikan yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w ini umat Islam dapat membentuk jiwa penyayang dan menyuburkan sifat tolong-menolong antara satu sama lain.

Realitinya, isi pembelajaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w pada zaman Mekah banyak menitikbertakan kepada konsep akidah dan akhlak. Ia merupakan titik tolak permulaan individu untuk mendekatkan diri kepada Islam memandangkan

---

<sup>167</sup> Al-Qur'an. Surah Al-Muzammil: 1-4. Maksudnya: *Wahai orang yang berselimut! Bangunlah bersembahyang Tahajud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tidak dapat berehat). Iaitu separuh dari waktu malam, atau dikurangkan sedikit dari separuh itu. Atau lebihkan (sedikit) daripadanya, dan bacalah al-Qur'an dengan tartil (dengan jelas dan betul mengikut hukum tajwid)*

<sup>168</sup> Peraturan mengeluarkan *sadaqat* telah pun dilaksanakan pada zaman Jahiliyyah. Hasil sebahagian tanaman dan ternakan mereka dibahagikan kepada Allah, sebahagiannya diagihkan kepada fakir miskin dan sebahagiannya kepada penjaga berhala. Lihat Hudham Bek, 1980. *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, IAIN, Indonesia, hlm 117-118. Konsep *sadaqat* pada hakikatnya adalah berlandaskan atas dasar menolong golongan miskin sebagai satu amal kebajikan. Bagaimanapun, kewajipan pada masa itu hanya bertaraf pilihan tanpa dihadkan kadar nisab, kadar wajib dan jenis harta benda yang dikeluarkan *sadaqat* itu. Bagaimanapun al-Qur'an sendiri telah membawa pengertian *sadaqat* melalui surah al-Taubah: 106 yang bermaksud: "*Ambillah sebahagian daripada harta mereka untuk dijadikan sadaqah, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka.*"

masih ramai lagi yang hidup dalam kejahilan di kota Mekah ketika itu.

Kesimpulannya, pendidikan akidah menjadi teras utama dalam pendidikan Islam yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w selepas menerima wahyu dari Allah. Di samping itu, pendidikan akhlak dan ibadah turut ditanamkan sebagai cara menjalankan tanggungjawab terhadap perintah Allah. Hasilnya, pendidikan tersebut telah melahirkan para sahabat yang mempunyai keimanan yang kental dan semangat yang tinggi walaupun di Mekah ketika itu tidak ramai yang menerima Islam.

## PENDIDIKAN DI MADINAH

Masjid memainkan peranan yang penting sebagai pusat ibadah orang Islam.<sup>169</sup> Justeru, pada peringkat hijrah, Rasulullah s.a.w telah mendirikan institusi masjid sebagai pusat pembelajaran. Baginda telah mendirikan masjid Quba'<sup>170</sup> sebagai langkah pertama untuk menyatukan masyarakat Madinah. Langkah tersebut secara tidak langsung dapat

---

<sup>169</sup> Ia juga berperanan sebagai tempat menegakkan hukum Islam, mengumumkan hal-hal penting negara, tempat kebudayaan dan sebagainya. Lihat Sidi Gazalba, 1967. *Mesjid Pusat Ibadah dan Kebudayaan*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm.16.

<sup>170</sup> Masjid ini merupakan masjid yang pertama didirikan oleh Rasulullah s.a.w setelah baginda berhenti beberapa hari sebelum meneruskan perjalanan ke Madinah. Ia terletak lebih kurang 3 kilometer dari Madinah. Quba juga terkenal dengan kawasan subur dan berbentuk empat segi. Lihat al-Yaqut, 1957. *Mu'jam al-Buldan*, Juz IV, Dar al-Sadr, Beirut, hlm. 423 dan Nasaruddin Latif, 1972. *Mekah dan Madinah*, Firma Dewan, Jakarta, hlm. 109.

mendidik masyarakat untuk mendalami agama Islam dengan lebih berkesan. Kemudian disusuli dengan pembinaan Masjid al-Nabawi<sup>171</sup> setelah Rasulullah s.a.w berada di kota Madinah. Selain daripada masjid tersebut, banyak masjid lain turut dibina dengan tujuan pendidikan. Antaranya ialah Masjid al-Jumu'ah,<sup>172</sup> Masjid Qiblatain,<sup>173</sup> Masjid Musolla,<sup>174</sup> Masjid Ahzab<sup>175</sup> dan lain-lain lagi.

---

<sup>171</sup> Masjid ini dibina di atas sebidang tanah yang dibeli dari Sahl dan Suhail bin 'Amr dengan harga 10 dinar. Masjid ini mengambil masa tujuh bulan untuk disiapkan dengan keluasan 382 meter persegi. Rasulullah s.a.w merupakan orang pertama meletakkan batu asas pembinaannya. Kemudian diikuti Abu Bakar, Umar, dan Uthman. Tiangnya terdiri daripada batang kurma dan diindingnya diperbuat daripada batu-bata yang diikat dengan lumpur. Begitu juga lantai dan pintunya. Manakala atapnya pula dibina dengan menggunakan pelepah dan daun kurma yang ditampal dengan tanah lumpur. Lihat Abdul Aziz Hussin, 1977. *Nostalgia Masjid Nabawi*, JAKIM, Kuala Lumpur, hlm.33-36.

<sup>172</sup> Masjid ini merupakan tempat Rasulullah s.a.w menunaikan solat Jumaat yang pertama ketika baginda baru sampai di Madinah. Lihat Ali Hafaz, 1968. *Fusul Min Tarikh al-Madinah al-Munawwarah*, Matba'ah al Nasyar, hlm. 126.

<sup>173</sup> Masjid ini mempunyai dua kiblat iaitu ke arah Ka'abah dan Mizab. Masjid ini terletak di atas bukit di perkampungan Bani Salma di sebelah barat kota Madinah. Pada zaman Rasulullah s.a.w, masjid ini dibina dengan menggunakan batu, pelepah tamar dan batang tamar. Lihat Ibid, hlm.127.

<sup>174</sup> Masjid ini merupakan tempat Rasulullah s.a.w melakukan solat Aidilfitri. Ia juga dinamakan masjid Ghamamah.

<sup>175</sup> Ia juga dikenali sebagai Masjid al-Fath. Di sini Rasulullah s.a.w berdoa 4 hari berturut-turut. Ia terletak diatas bukit Sulu' iaitu di sebelah barat Khandak. Sebahagiannya dikelilingi empat buah masjid yang lain iaitu Masjid Salman al-Farisi, 'Abu Bakar, Ali dan masjid empat. Lihat *Ibid*.



Dengan terdirinya masjid-masjid tersebut, perkembangan pendidikan semakin meluas di kota Madinah.

Selain daripada institusi masjid, *al-Suffah*<sup>176</sup> diwujudkan bagi menampung pembelajaran di masjid.<sup>177</sup> *Ahli Suffah* pula ialah mereka yang terdiri di kalangan golongan miskin di Madinah dan telah mendapat pembelajaran daripada Rasulullah s.a.w.<sup>178</sup> Mereka juga terdiri daripada orang Muhajirin, orang Ansar<sup>179</sup> dan orang luar. Abu Nu'aim menyenaraikan kira-kira 52 orang ahli *suffah* pada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>180</sup> Mereka inilah yang sering berdamping dengan Rasulullah s.a.w untuk

---

<sup>176</sup> *Suffah* berasal daripada perkataan *saf* iaitu berbaris. Pelbagai pandangan yang diberikan oleh intelektual Islam mengenai *al-Suffah*. *Suffah* sebenarnya ialah sebuah anjung atau serambi yang didirikan berhampiran dengan Masjid Nabawi. Ia juga merupakan tempat atau ruang yang terbuka yang mempunyai tiga sudut. Lihat Rekendorf, *Dairat al-Marifat al-Islamiyyah*, hlm.105. Ibn Jubayr pula berpandangan *Suffah* adalah tempat *ahli suffah* tinggal. Samhudi pula berpandangan *suffah* adalah sebahagian daripada masjid di Madinah. Ianya boleh memuatkan 300 orang yang juga berhampiran dengan rumah isteri nabi. Lihat Akram Diya al-Umari, *Madinah Society*, Vol 1, Terj. Huda Khatab, 1989. International Islamic Publishing House, hlm. 86.

<sup>177</sup> Ibn Sa'ad, *Tabaqat al-Kubra*, Jil. 1, Beirut, Darul al-Ihya, hlm. 123.

<sup>178</sup> Mereka ialah Ka'ab ibn Malik al-Ansari, Hanzalah ibn 'Amir al-Ansari, Harithah ibn al-Nu'man al-Ansari dan sebagainya. Lihat Abu Nu'aim, *al-Hilyah al-Awliyat*, Dar al-Kutub, Beirut, hlm. 355-356.

<sup>179</sup> Mereka terdiri daripada penduduk luar dari kawasan Madinah seperti Taif, Najran, Hijaz dan sebagainya.

<sup>180</sup> Ibid.

mempelajari asas-asas agama pada waktu siang ataupun malam secara bergilir-gilir.<sup>181</sup>

Hasil daripada perkembangan ahli *suffah* menyebabkan kemahiran menulis dan membaca semakin meningkat. Ini dapat dilihat pada peringkat awal perkembangan tersebut yang lebih kecil semasa di Mekah berbanding di Madinah. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w telah meminta orang Yahudi mengajar orang Islam dalam kemahiran tersebut. Rentetan itu juga, selepas peperangan Badar, ramai orang Musyrikin yang ditawan oleh pihak Islam. Mereka diberi pilihan untuk menebus diri mereka dengan mengajar membaca dan menulis kepada sepuluh orang kanak-kanak Muslim Madinah sehinggalah kanak-kanak tersebut mahir dalam kedua-dua bidang tersebut. Ia merupakan usaha Rasulullah s.a.w dalam membanteras gejala buta huruf di kalangan masyarakat ketika itu. Tindakan positif ini menyebabkan berkembangnya kemahiran menulis dan membaca di kalangan masyarakat Madinah.

## Pendidikan Ibadah

Melalui pendidikan yang disalurkan oleh Rasulullah s.a.w, dapat dilihat baginda menekankan isi pembelajaran yang bercorak keagamaan<sup>182</sup> sebagai subjek utama dalam mata pelajaran. Baginda juga

---

<sup>181</sup> Muhamammad Yasin Mazhar, *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah s.a.w*, Terj. Khalil Mohd Zain dan Md Yunus Md Said, 1933. DBP, Kuala Lumpur, hlm. 359.

<sup>182</sup> Ia meliputi pelajaran ibadah, akhlak dan akidah.

tidak meminggirkan pendidikan yang lain seperti kesihatan dan ketenteraan kepada masyarakat Islam di Madinah.

Dalam membincangkan isi pembelajaran ini, pendidikan keagamaan memainkan peranan penting terutamanya yang berhubung dengan persoalan ibadah. Ia merangkumi hukum-hukum yang berkaitan ibadat khusus, muamalat,<sup>183</sup> munakahat<sup>184</sup> dan jenayah.<sup>185</sup> Pada zaman itu juga amalan ibadat dipertingkatkan di mana masyarakat ketika itu mula diwajibkan solat fardu lima waktu sehari semalam,<sup>186</sup> solat Jumaat,<sup>187</sup> solat sunat seperti solat Hari Raya

---

<sup>183</sup> Muamalat termasuklah persoalan mengenai hukum pelaksanaan jual beli, pajak gadai, sewa-menyewa, riba, wakaf, wasiat, rampasan, pinjaman dan sebagainya.

<sup>184</sup> Munakahat termasuklah persoalan yang berhubung dengan hukum nikah cerai, *khuluq*, *lian*, *zihar*, *iddah*, *nafkah*, *hadanah* dan lain-lain lagi.

<sup>185</sup> Jenayah termasuklah persoalan yang berkaitan dengan *qisas*, *takzir*, *hudud* dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya.

<sup>186</sup> Solat lima waktu diwajibkan selepas berlakunya Israk dan Mikraj. Kemudiannya, Jibril a.s sendiri mengajar Rasulullah s.a.w cara mengerjakan solat Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh.

<sup>187</sup> Solat tersebut dilaksanakan buat pertama kalinya semasa Rasulullah s.a.w. berada di Masjid Quba secara berjemaah. Tujuan solat tersebut ialah untuk mempertemukan orang Islam sekali dalam seminggu. Ia bertujuan untuk memberi peringatan, nasihat dalam bidang kemaslahatan masyarakat. Solat ini dilakukan dengan dua rakaat yang didahului dengan dua khutbah. Lihat Abu Bakar, *Pedoman Hidup Muslim*, Terj. Hasanuddin dan Haff Diofdin, 1996, hlm. 314.

Aidilfitri,<sup>188</sup> solat Hari Raya Aidil Adha serta beberapa jenis solat sunat yang lain.<sup>189</sup> Rasulullah s.a.w berjaya mendidik masyarakat Islam Madinah melakukan ibadah seperti yang diperintahkan oleh Allah sama ada pendidikan tersebut secara teori ataupun amali.

Dalam menjalankan urusan muamalat pula, Rasulullah s.a.w menitikberatkan amalan-amalan yang mulia seperti jujur, adil, tidak membazir dan sebagainya dalam menjalankan urusan kehidupan seharian. Baginda juga mendidik masyarakat Islam supaya meninggalkan amalan-amalan yang bersifat negatif seperti menipu, spekulasi, mendapat keuntungan yang melampaui batas dan sebagainya. Penurunan ayat-ayat al-Qur'an juga telah membuka minda masyarakat Madinah terhadap rukun, hikmah dan hukum dalam urusan muamalat terutamanya dalam kes riba<sup>190</sup> dan peraturan-peraturan yang lain.

---

<sup>188</sup> Solat Sunat Aidilfitri dan Aidul Adha dimulakan pada tahun ke-2 Hijrah. Baginda menunaikan solat ini di Masjid Musolla iaitu di sebuah tempat di tanah yang lapang. Ia terletak 100 hasta dari masjid Nabi sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Majah. Lihat Lathief Rousydief, *Shalat-Shalat Sunat Rasulullah s.a.w*, hlm.15.

<sup>189</sup> Solat sunat yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w ialah solat sunat *kusuf* (gerhana bulan), solat *khusuf* (gerhana matahari), solat sunat *istisqa'* (minta hujan), solat sunat tahajud, solat sunat witir, solat sunat fajar, solat sunat rawatib, solat sunat *kauf* dan solat sunat mutlak. Lihat T. Lathief Rousydiy, 1987. *Shalat-Shalat Sunat Rasulullah s.a.w*, Penerbit Firma Rimbow, Medan, hlm. 139-262, dan Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Pedoman Hidup Muslim*, Terj. Hasanuddin dan Didin Hafidhuddin, 1996, hlm. 338-407.

<sup>190</sup> Riba dari segi bahasanya ialah bertambah. Menurut istilahnya ialah pertambahan pada harta-harta tertentu. Riba

Begitu juga dengan munakahat, Rasulullah s.a.w mendidik masyarakat supaya mengikut adab dan peraturan dalam menjalankan kehidupan seharian berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah. Masalah yang dikemukakan oleh individu atau kumpulan berhubung dengan masalah penceraian, 'iddah dan sebagainya merupakan satu pendidikan kepada umat Islam melalui ayat al-Qur'an yang diturunkan sebagai menjawab persoalan tersebut. Ia termasuklah hukum dan syarat yang sesuai yang dijalankan ketika itu.

Selain itu, Rasulullah s.a.w. memberi didikan yang setimpal berhubung dengan hukum jenayah. Contohnya hukum *qisas*<sup>191</sup> dilaksanakan sebagai

---

tersebut diharamkan untuk memelihara harta orang Islam dan agar harta tersebut berkembang dengan cara yang baik dan bersih. Ia bertujuan untuk mengelak daripada penganiayaan. Kisah Rasulullah yang diriwayatkan dari Bukhari dan Muslim bahawa Bilal bin Rabah datang kepada Nabi dengan membawa kurma yang berkualiti. Rasulullah terus bertanya: "dari mana engkau mendapat kurma ini wahai Bilal? Bilal menjawab, "Kami memiliki kurma yang berkualiti baru, lalu aku menjualnya dengan satu kurma jenis baik." Rasulullah menjawab, "Itu adalah riba, itu adalah riba. "Jangan engkau melakukannya. Tetapi jika engkau bermaksud untuk membelinya, juallah kurma engkau itu dengan yang lain, barulah engkau beli dengan kurma yang berkualiti".

<sup>191</sup> Sebelum Rasulullah diutuskan, hukum qisas adalah berbeza di mana orang Yahudi diwajibkan membalas bunuh dan melarang kemaafan. Orang Nasrani pula mewajibkan meminta maaf serta melarang balas bunuh. Manakala orang Arab mewajibkan membalas bunuh, kadangkala meminta maaf dan mengambil *diat*. Lihat Ibid, hlm.82. Bagaimanapun, ayat al-Qur'an dalam surah *al-Baqarah* 2: 178 yang bermaksud: "*Bahawa orang yang melakukan pembunuhan sama ada orang yang merdeka, hamba dikenakan hukum qisas*

menggantikan hukum qisas di zaman Jahiliyyah. Hukum jenayah yang dilaksanakan selain daripada qisas juga mempunyai kepentingan tertentu dalam menjaga kemaslahatan umum terutamanya membantu menjaga keamanan dan kesejahteraan hidup manusia.

Ternyata bahawa pendidikan ibadah merupakan isi pembelajaran utama di kalangan orang muslimin di Madinah. Pendidikan ini merangkumi segala bentuk ibadah termasuklah yang berhubung dengan muamalat dan munakahat untuk keperluan manusia sejagat, sekaligus dapat menolak segala amalan dan peraturan yang buruk yang telah diamalkan oleh masyarakat Jahiliyyah dengan tujuan untuk mencapai kehidupan yang lebih teratur.

## **Pendidikan akhlak**

Selain daripada ibadah, pendidikan akhlak juga diterapkan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana yang dilaksanakan di Mekah, walaupun tidak banyak berlaku perubahan dan penambahan dalam pendidikan ini. Antara perkara yang diajar pada zaman Madinah ialah sifat-sifat mulia seperti menghormati jiran, pergaulan dalam keluarga, toleransi, tanggungjawab bersama dan bersatu, yang perlu dicontohi oleh masyarakat ketika itu. Pendidikan yang disampaikan oleh baginda adalah melalui perkataan dan perbuatan dan contoh teladan yang baik. Di samping itu, penyucian batiniah daripada sifat buruk seperti hasad dengki, riak, takbur dan menipu juga diterapkan oleh Rasulullah s.a.w.

---

*atau diberi pengampunan oleh semua hamba atau dibayar diat (ganti rugi)*

Antara didikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w ialah adab suami isteri dan kewajipan mereka terhadap rumah tangga. Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda baginda yang bermaksud: *Ingatlah, hendaknya kamu memberi nasihat kepada isteri-isterimu dengan kebaikan, kerana mereka adalah tawanan di sampingmu.*<sup>192</sup> Sabda baginda lagi yang bermaksud: *Isteri adalah pemimpin bagi rumah suami dan anak-anaknya.*

Selain itu juga, Rasulullah s.a.w. menekankan adab dan akhlak terhadap kaum-kerabat atau sanak saudara. Baginda memperingatkan wajib menghubungkan silaturrahim dengan lebih erat. Keadaan ini telah diperjelaskan di dalam al-Qur'an yang bermaksud: *"dan orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama lain lebih berhak waris mewarisi di dalam kitab Allah."*<sup>193</sup>

Ternyata pendidikan akhlak pada zaman Rasulullah s.a.w. semasa di Madinah berjaya ditunjukkan melalui sifat mulia yang ditonjolkan oleh Rasulullah s.a.w. Sifat-sifat tersebut kemudiannya diamalkan oleh para sahabat pada zaman selepas baginda. Pendidikan ini perlu dicontohi oleh generasi Muslim hari ini.

## Pendidikan Fizikal

Rasulullah s.a.w juga menitikberatkan pendidikan yang berbentuk fizikal. Antaranya ialah penjagaan kebersihan melalui amalan bersuci, berwuduk, mandi

---

<sup>192</sup> Surah *al-Ahzab* 33:6.

<sup>193</sup> Surah *al-Anbia* 23 :17.

dan beristinja. Ia bertujuan untuk mengelakkan jangkitan kuman yang menyebabkan pelbagai penyakit. Selain itu, kesihatan fizikal seperti berolahraga, memanah, menunggang kuda, latihan perang dan sebagainya turut diterapkan. Dalam konteks ini, Rasulullah s.a.w sendiri pernah berlumba lari dengan isterinya Aishah r.a.<sup>194</sup> Tegasnya, pendidikan jasmani boleh menjadikan kita kuat dan sihat dan dengan itu kita dapat melaksanakan tugas-tugas sosial dalam kehidupan sama ada berkaitan dengan agama atau negara. Firman Allah yang bermaksud : *Makanlah rezeki Tuhan kamu agar tubuhmu sihat dan bersyukurlah kepada-Nya.*<sup>195</sup>

Bagaimanapun, pendidikan yang berbentuk penjagaan dan kekuatan diri juga penting untuk menghadapi pihak musuh. Maka dengan itu, Rasulullah s.a.w sendiri begitu mengambil berat terhadap penjagaan diri sewaktu kanak-kanak lagi. Ini kerana apabila mereka dewasa, mereka akan terdedah kepada musuh yang akan mengancam keselamatan diri mereka. Seperti sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim berhubung pentingnya sikap waspada yang bermaksud: *Dan bersiap-sedialah sedaya-upaya kamu untuk menghadapi*

---

<sup>194</sup> Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah berlumba lari dengan isterinya 'Aishah. Bagaimanapun Aishah sendiri telah mengalahkan nabi kerana keringanan badannya. Kemudiannya pada musafir yang lain, nabi sekali lagi berlumba lari dengan isterinya. Pada kali ini beliau dapat mengalahkan 'Aishah. Lantas nabi pun berkata kepada Aishah, kemenangan ini untuk tempoh hari. (Riwayat Abu Daud dan an-Nasai)

<sup>195</sup> Al-Qur'an, surah Saba' 34:15.



*musuh dengan kekuatan. Ketahuilah sesungguhnya kekuatan ialah memanah.*(Riwayat muslim) dan sebuah hadis bermaksud; *Ajarlah anak-anakmu berenang dan memanah, manakala anak perempuan menenun.* (Riwayat muslim).

Ternyata, pendidikan fizikal menjadi perkara penting dalam kehidupan seharian manusia. Ia merupakan salah satu daripada metodologi pendidikan yang berjaya ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w kepada umat Islam. Ini kerana melalui kekuatan fizikal, umat Islam dapat mengerjakan segala perintah Allah dan menjauhkan diri daripada larangan-Nya.

## **Pendidikan Akidah**

Dalam aspek akidah pula, Rasulullah s.a.w telah mendidik generasi Madinah mengikut acuan al-Qur'an. Jiwa mereka mudah dilentur memandangkan mereka sudahpun mempunyai asas pengetahuan pendidikan Islam setelah Rasulullah s.a.w menghantar utusan iaitu 'Umar al-Abdairi ke Madinah untuk mengajar al-Qur'an kepada penduduk Islam Madinah.<sup>196</sup> Keadaan ini tidaklah menyukarkan Rasulullah s.a.w untuk mendidik masyarakat Islam ketika itu.

Melalui Perjanjian Aqabah yang dibuat antara Rasulullah s.a.w dengan penduduk Madinah telah membuka tirai kepada perkembangan pendidikan akidah. Perjanjian ini telah membuktikan bahawa mereka bersedia untuk menerima Islam sebagai

---

<sup>196</sup> Beliau telah dihantar oleh Rasulullah s.a.w untuk mengajar al-Qur'an kepada penduduk Islam di Madinah.

agama mereka.<sup>197</sup> Di dalam perjanjian tersebut, mereka telah menyatakan keislaman mereka dengan membuat perjanjian dengan Rasulullah s.a.w Mereka berjanji tidak mempersekutukan Allah, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak dan tidak berbohong sama ada sengaja atau tidak disengajakan terhadap diri sendiri atau orang lain dan tidak melakukan sebarang kedurhakaan terhadap perkara yang dibenci oleh Islam. Perkara-perkara yang disebutkan dalam perjanjian adalah berkenaan dengan perkara-perkara asas terutamanya yang berkaitan dengan akidah. Sehubungan itu, akidah berjaya ditanam di kalangan mereka di peringkat awal lagi.

Perjanjian Aqabah yang kedua turut membuktikan Islam diterima oleh sebahagian penduduk Madinah daripada pelbagai kaum Aus dan Khazraj.<sup>198</sup> Dalam perjanjian tersebut mereka telah mendengar penerangan Rasulullah s.a.w dan mereka pun membai'ah dan berjabat tangan dengan baginda. Hasil daripada perjanjian tersebut telah membawa kepada kemantapan akidah dalam diri mereka.

Selepas berlakunya hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah, masyarakat Islam semakin kuat berpegang

---

<sup>197</sup> Perjanjian ini dibuat di sebuah tempat berhampiran dengan Bukit Aqabah (antara Mekah dan Madinah) . Antara yang terlibat ialah sepuluh orang Khazraj dan dua orang 'Aus.

<sup>198</sup> Perjanjian Aqabah ini terjadi pada tahun ke-13 kerasulan nabi. Mereka yang terlibat terdiri daripada 73 orang termasuk dua orang wanita dari Madinah yang terdiri daripada kaum Kahzraj dan 'Aus.

kepada aqidah. Tauhid *Rububiyyah*<sup>199</sup> dan *Uluhiyyah*<sup>200</sup> menjadi asas utama dalam pendidikan Rasulullah s.aw untuk membentuk keperibadian masyarakat Islam. Keadaan ini telah menarik perhatian masyarakat Madinah.

Jelasnya, pendidikan akidah di Madinah telah pun bermula semenjak perjanjian 'Aqabah lagi. Kemudian, diikuti dengan penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah yang turut membawa kepada peningkatan pendidikan akidah di kalangan masyarakat, sekali gus bilangan penduduk yang menganut Islam semakin bertambah.

Kesimpulannya, zaman Madinah merupakan zaman pembentukan masyarakat dan pelaksanaan hukum berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Pendidikan ini menjadi lambang kesinambungan pendidikan yang telah dilaksanakan di Mekah dalam mencorakkan masyarakat yang bertamadun. Ia bertujuan mendidik generasi seterusnya dapat menghayati pelaksanaan tersebut dengan mengamalkannya bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

---

<sup>199</sup> Tauhid *Rububiyyah* ialah menuntut manusia beriman kepada Allah. Berhubung perkara ini, hanya Allah sahaja yang berhak dipatuhi dan disembah. Selain itu hendaklah meyakini kekuasaan Allah di alam semesta ini. Lihat Afzalur Rahman, 1980. Muhammad *The Educator of Mankind*, The Muslims Schools Trust London, London, hlm.14-15.

<sup>200</sup> Tauhid *Uluhiyyah* merujuk kepada pengesaan Allah dengan amal perbuatan dan tingkahlaku hamba. Ini dapat membezakan antara golongan muslim dan bukan muslim. Lihat Ibid.

## **BAB 4**

# **KEBERKESANAN SISTEM PENDIDIKAN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W.**

Peranan yang dimainkan oleh Rasulullah s.a.w dalam usaha mendidik masyarakat telah membawa kesan yang besar terhadap perubahan masyarakat pada waktu itu. Ia dapat dilihat dalam konteks penghayatan para sahabat melalui pegangan akidah yang teguh dan ibadah yang telah dilaksanakan setelah mendapat didikan yang sempurna daripada Rasulullah s.a.w. Sekali gus baginda menanam sahsiah yang tinggi di kalangan para sahabat dalam membina masyarakat yang berakhlak dan bertamadun. Ini merupakan hasil pendidikan Islam yang bersumberkan ajaran al-Qur'an dan hadis sebagai jalan untuk mewujudkan masyarakat Islam yang kuat dari segi mental dan fizikalnya. Fenomena ini bukan sahaja dapat dilihat dalam masyarakat Mekah tetapi juga dalam masyarakat Madinah.

Seiring dengan perkembangan Islam yang semakin meluas, perkembangan pendidikan Islam juga semakin berkembang dengan bertambahnya bilangan mereka yang memeluk Islam. Keadaan ini telah mewujudkan

pembelajaran al-Qur'an dan hadis di kalangan para sahabat secara lebih meluas dan bersungguh-sungguh.

## PENGHAYATAN MELALUI TAUHID DAN IBADAH

Apabila Islam semakin berkembang di Madinah, masyarakat Islam terus menghayati ajaran Rasulullah s.a.w melalui ketauhidan kepada Allah dan penghayatan ibadah. Mereka mengamalkan rukun Islam yang lima seperti yang diperintahkan oleh Allah. Ketika di Mekah lagi, para sahabat telah menunjukkan pegangan akidah yang kuat. Kesannya, mereka sentiasa mendapat tentangan hebat daripada kaum kafir Quraisy. Mereka bukan sahaja diseksa tetapi dihina dan dicaci oleh kaum kafir Quraisy.<sup>201</sup>

---

<sup>201</sup> Salah seorang yang diseksa ialah Bilal bin Rabah. Beliau adalah hamba yang berkulit hitam yang berasal dari Habsyah. Setelah beliau memeluk Islam, beliau telah diseksa oleh tuannya iaitu Umayyah. Beliau dihantar ke padang pasir dalam keadaan memalukan dengan melentangkan badannya di padang pasir di bawah matahari terik dan batu besar diletakkan di atas badannya. Seksaan yang amat kejam itu tidak mematahkan semangat Bilal untuk beriman kepada Allah. Beliau sentiasa menyebut Ahad (Allah yang satu). Selain daripada berbentuk siksaan, orang Islam turut dihina terutamanya hinaan dan cacian daripada Abu Jahal. Apabila mendengar orang Quraisy memeluk Islam, Abu Jahal mencaci bahawa agama dahulu lebih baik dan beliau memandang rendah sekiranya ada di kalangan mereka menganut Islam. Perniagaan turut dimusnahkan beserta barang dagangan sekali sekiranya memeluk Islam. Lihat Hassan Ibrahim Hassan, 1986. *Sejarah Islam Menyentuh Bidang-Bidang Politik, Agama, Kebudayaan Dan Kemasyarakatan*, Jil.1, hlm.106.

Kesan penyeksaan terhadap orang Islam ini telah membawa kepada meningkatnya bilangan yang memeluk Islam. Ini kerana semakin ramai yang diseksa, semakin kuat keimanan dan keyakinan terhadap agama Islam. Mereka mempunyai semangat yang tinggi dan ketabahan untuk mengharungi seksaan itu. Ia telah telah dibuktikan oleh keluarga Yasir yang diseksa oleh orang kafir sehingga mereka meninggal dunia akibat seksaan tersebut.<sup>202</sup>

Pegangan akidah yang teguh telah mendorong para sahabat untuk melaksanakan ibadah dengan baik dan tekun. Contohnya Abdullah bin Umar<sup>203</sup> yang rajin melakukan ibadah solat hatta tidak pernah meninggalkan *qiyamullail* sama ada ketika bermukim atau bermusafir. Begitu juga dengan sahabat yang lain seperti Abdullah bin 'Amr bin Ashm. Beliau sangat rajin beribadat tanpa henti dalam mengerjakan sembahyang, berpuasa dan membaca al-Qur'an. Kerajinan beliau telah menyebabkan Rasulullah s.a.w menegur sikap beliau itu dan menyuruhnya supaya bersedarhana dalam mengerjakan perintah Allah.<sup>204</sup>

---

<sup>202</sup> Ibid.

<sup>203</sup> Beliau merupakan anak kepada Umar al-Khatab. Beliau juga terkenal sebagai seorang saudagar dan dermawan. Beliau telah memeluk Islam semenjak berusia 13 tahun lagi. Lihat *Karakteristik Perihidup 60 Sahabat Rasulullah s.a.w*, hlm. 119-135.

<sup>204</sup> Sabda Rasulullah s.a.w." *Khabarnya kamu selalu berpuasa di siang hari dan tidak pernah berbuka dan sembahyang di malam hari dan tidak pernah tidur ? Cukuplah berpuasa selama tiga hari dalam setiap bulan. Ujar Abdullah "Aku lebih banyak dari itu." Kata Rasulullah s.a.w" jika demikian, baiklah kamu melakukan puasa Nabi Daud iaitu berpuasa sehari lalu berbuka sehari."*

Pengamalan konsep ketauhidan dan ibadah Islam yang betul merupakan jalan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ia menjadi teras dalam melaksanakan ibadah umum atau khusus seperti yang dilaksanakan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w.

## PEMBINAAN SAHSIAH PARA SAHABAT

Natijah daripada pendidikan yang diterima daripada Rasulullah s.a.w dapat dilihat dengan jelas di kalangan generasi para sahabat itu sendiri yang mana akidah dan keimanan menjadi faktor untuk mencapai ketaatan dan kepatuhan terhadap perintah Allah. Dengan kepatuhan dan penghayatan akhlak serta peribadi mulia dalam diri individu, secara tidak langsung ia dapat menangani penyakit jiwa yang terdapat dalam diri manusia.

Melalui pendidikan dan asuhan daripada Rasulullah s.a.w, Islam telah mengubah nilai akhlak yang negatif (*mazmumah*) kepada akhlak yang positif (*mahmudah*) seperti tolong-menolong, zuhud,<sup>205</sup> tidak mementingkan diri, warak,<sup>206</sup> takut kepada Allah dan sebagainya. Sifat-sifat *mahmudah* ini jelas terdapat

---

<sup>205</sup> Zuhud ialah tidak suka kepada dunia secara berlebihan melainkan hanya sekadar yang diperlukan sahaja dan tidak sampai ke tingkat kemewahan. Golongan zuhud ialah mereka yang melakukan ketaatan kepada Allah untuk mendapat keredhaan-Nya. Lihat Mahayuddin Ibrahim, *180 Sifat Tercela dan Terpuji*, Terj. Haji Masagung, 1990. Jakarta, hlm. 110.

<sup>206</sup> Warak ialah menjauhkan diri daripada perkara yang haram dan subhat. *Ibid*.

dalam keperibadian para sahabat seperti Abu Bakar, Umar,<sup>207</sup> Uthman,<sup>208</sup> Ali<sup>209</sup> dan lain-lain lagi.

Dalam hal ini perubahan nilai sahsiah yang negatif kepada bentuk yang lebih positif dapat dilihat, contohnya dalam keperibadian Umar al-Khattab. Keperibadian beliau begitu banyak berbeza sebelum beliau memeluk Islam. Beliau mempunyai sifat kejam, garang, suka berjudi dan sebagainya yang berpunca daripada pendidikan yang agak agresif dari ayahnya al-Khattab.<sup>210</sup> Apabila beliau meningkat dewasa, sifat ini telah tertanam dalam dirinya sehingga beliau sendiri pernah memukul iparnya, Zubair bin al-Awwam sehingga berlumuran darah setelah iparnya itu dan adiknya Fatimah al-Khattab membaca ayat al-Qur'an.<sup>211</sup>

---

<sup>207</sup> Nama sebenarnya ialah Umar bin al-Khatab bin Naufal dari keturunan Bani Adi. Beliau merupakan seorang saudagar. Keperibadiannya agak tegas dan berani serta berterusterang dalam menghadapi sebarang masalah.

<sup>208</sup> Uthman bin Affan lahir di Mekah selepas lima tahun Rasulullah s.a.w dilahirkan. Beliau mempunyai sifat yang lemah-lembut, penyabar dan suka membuat kebajikan. Beliau juga seorang yang rajin beribadat.

<sup>209</sup> Semenjak kecil lagi, Ali mempunyai sifat berani. Ini dapat dibuktikan semasa peristiwa beliau menggantikan tempat tidur Rasulullah s.a.w semasa Rasulullah keluar dari kota Mekah. Beliau digelar Singa Allah. Beliau juga mempunyai sifat jujur, berpandangan jauh dan sebagainya.

<sup>210</sup> Semenjak kecil lagi, Umar pernah ditugaskan oleh ayahnya tanpa belas kasihan untuk mencari makanan rumput untuk untanya.

<sup>211</sup> Al-Qur'an, Surah *Taha*:1-3 yang bermaksud: *Ta Ha. Kami tidak menurunkan al-Qur'an kepada mu (Wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang yang takut melanggar perintah Allah.*



Namun, beliau telah mendapat hidayah setelah beliau sendiri membaca ayat-ayat tersebut dan terus beriman kepada Allah. Setelah memeluk Islam, sikap dan akhlak beliau berubah dan kehidupannya cenderung mengikut corak kehidupan Rasulullah s.a.w hatta sanggup mengorbankan harta kekayaannya untuk menegakkan Islam.

Begitu juga dengan sahabat-sahabat lain seperti Uthman bin Affan. Beliau terkenal sebagai seorang dermawan. Setelah beliau memeluk Islam, banyak hartanya dibelanjakan untuk kepentingan Islam.<sup>212</sup> Secara tidak langsung, Uthman berjaya membentuk satu model dalam konteks amali dengan kebajikan dan kemurahan hatinya. Dalam peperangan Tabuk, beliau telah menderma 950 ekor kuda dan 1,000 dinar kepada angkatan tentera Islam yang berjuang dalam peperangan itu.<sup>213</sup>

Sifat-sifat mulia yang ditonjolkan tersebut turut dimiliki oleh para sahabat yang lain. Sesungguhnya sifat yang dimiliki ini merupakan hasil didikan dan ajaran Rasulullah s.a.w untuk dijadikan teladan dalam masyarakat hari ini bagi mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.

---

<sup>212</sup> Beliau telah membeli beberapa telaga untuk penduduk Islam di Madinah, membebaskan hamba dan menyediakan kelengkapan tentera Islam dan lain-lain lagi.

<sup>213</sup> Dasuki Haji Ahmad, 1974. *Ikhtisar Perkembangan Islam*, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 157.

## KEWUJUDAN PEMBELAJARAN AL-QUR'AN DAN AL-HADIS

Selain daripada pembinaan sahsiah, bidang keilmuan pada zaman Rasulullah s.a.w terus berkembang secara meluas selepas penghijrahan baginda ke Madinah. Ia merupakan kesan proses pendidikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. kepada umat Islam. Hasil daripada pendidikan yang diterima, maka lahirilah pembelajaran al-Qur'an secara musafahah,<sup>214</sup> hafalan, pengumpulan dan penulisan.

Ramai sahabat melibatkan diri dalam penghafalan sepertimana yang tertera dalam riwayat Bukhari.<sup>215</sup> Al-Sayuti<sup>216</sup> telah mencatatkan nama penghafal al-Qur'an yang terdiri daripada golongan Ansar dan Muhajirin.<sup>217</sup>

---

<sup>214</sup> Istilah *musafahah* diguna pakai dalam pembelajaran al-Qur'an semenjak zaman Rasulullah s.a.w. Ia adalah satu kaedah yang mana guru sendiri mendengar dan menyemak bacaan murid.

<sup>215</sup> Menurut Riwayat Bukhari, bilangan sahabat yang menghafaz al-Qur'an tidak melebihi 7 orang iaitu 'Abdullah bin Mas'ud, Muaz bin Jabal, Ubai bin Ka'ab, Salim Maula Abi Huzaifah, Zaid bin Thabit, Abu Darda' dan Abu Zaid al-Sakan. Lihat Subhi Salleh, *Kajian al-Qur'an*, Terj. Zainal Abidin Abdul Hadi, 1977. DBP, Kuala Lumpur, hlm. 23.

<sup>216</sup> Al-Suyuti ialah seorang tokoh ulama yang terkenal pada abad ke-18. Nama sebenar beliau ialah Jalaluddin Abdul Rahman. Beliau banyak mengarang buku antaranya ialah *al-Itqan Fi Ululum al-Qur'an*. Lihat al-Sayuthi, 1978. *Al-Itqan*, Dar al-Makrifah, Beirut, hlm. 8.

<sup>217</sup> Golongan Muhajirin terdiri daripada khalifah al-Rasyidin, Talhah, Sa'ad, Huzaifah, Hafsah, dan 'Ummu Salamah. Manakala dari golongan Ansar pula ialah Ubadah bin al-Samit, Abu Huzaimah, Mujmak bin Juriah, Musalmah bin Mukhlad, Fudhalah bin Ubaid. Lihat al-Suyuti, 1978. *Al-Itqan*, Dar al-Makrifah, hlm.15.

Ayat-ayat al-Qur'an yang telah diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w. telah disampaikan kepada para sahabat untuk dihafal. Mereka turut mengajar isteri dan anak-anak mereka di rumah. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah mendengar para sahabat membaca al-Qur'an.<sup>218</sup> Seiring dengan penghafalan tersebut, terdapat tujuh orang guru termasyhur yang dipercayai oleh Rasulullah s.a.w.<sup>219</sup> Dalam hal ini, ramai sahabat berguru dengan 'Ubai bin Ka'ab. Memandangkan ramai sahabat yang telah menghafal al-Qur'an, Rasulullah s.a.w telah mengutuskan mereka untuk mengajar al-Qur'an kepada penduduk kota ataupun penduduk pedalaman.<sup>220</sup>

Bagaimanapun, dalam peperangan Bir Maunah, seramai 70 orang *huffaz* al-Qur'an telah mati syahid.<sup>221</sup>

---

<sup>218</sup> Sabda Rasulullah s.a.w *"Aku mendengar sewaktu teman-teman Asyari membaca al-Qur'an ketika menjelang malam. Dan aku mengenali tempat dari suara mereka membaca di waktu malam, meskipun belum aku pernah melihat tempat mereka di waktu siang hari."* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

<sup>219</sup> Guru-guru tersebut ialah Usman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit, Abdullah bin Mas'ud, Abu Darda'. Lihat al-Suyuti, *Mabahith Fi Ulum al-Qur'an*, hlm. 65.

<sup>220</sup> Sebelum Hijrah baginda mengutus Mus'ab bin Umair dan Ibn Maktum ke Madinah untuk mengajar tentang Islam dan membaca al-Qur'an kepada mereka. Apabila berlakunya penghijrahan, Rasulullah s.a.w telah mengutuskan Mu'az bin Jabal ke Mekah untuk mengajar penduduk setempat.

<sup>221</sup> Bir Maunah terjadi pada bulan Safar iaitu 3 tahun selepas Hijrah Rasulullah s.a.w ke Madinah. Ia merupakan telaga air yang terdapat antara Mekah dan Madinah iaitu antara perkampungan Bani Amir dengan Bani Sulaim. Tentera Islam dipimpin oleh al-Mundhir bin Amru dan pihak musuh pula dipimpin oleh Amir bin Tufail. Tentera Islam mengalami kekalahan kerana diserang hendap oleh pihak musuh iaitu Bani Sulaim. Lihat al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, Jil. 1, hlm. 375 dan Nabih Akil, 1975. *Tarikh al-Arab al-Qadim fi Asri rasul*, Darul Fikr, hlm. 484.

Memandangkan ramai penghafal telah mati syahid, sebagai alternatif mengatasi masalah tersebut, baginda telah memerintah para sahabat supaya mengumpul dan menulis ayat-ayat al-Qur'an dengan tujuan untuk mengukuhkan dan memelihara al-Qur'an agar tidak luput daripada ingatan. Hal ini telah dinyatakan didalam al-Qur'an berbunyi: "*Sesungguhnya telah Kami telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya*"<sup>222</sup>

Para penulis pula adalah di kalangan yang dipilih oleh Rasulullah s.a.w yang telah terbukti ketakwaannya. Antara mereka ialah Zaid bin Thabit,<sup>223</sup> Mu'az bin Jabal,<sup>224</sup> Mu'awiyah bin Abi Sufyan,<sup>225</sup> Khulafa' al-Rasyidin<sup>226</sup> dan beberapa orang sahabat yang lain.

---

<sup>222</sup> Al-Qur'an, surah *al-Hijr* 15: 9

<sup>223</sup> Beliau merupakan orang yang mengikut Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah ketika berusia 11 tahun. Semenjak kecil lagi beliau telah mengambil bahagian dalam peperangan Badar, Uhud dan Khandak. Beliau juga seorang ilmuwan yang mempunyai kelebihan termasuklah menghafaz ayat-ayat al-Qur'an, mengirinkan surat dan mempelajari bahasa asing. Lihat Khalid Muhammad Khalid, *Karakteristik Perhidup Enam Puluh Sahabat Rasulullah s.a.w.*, Mahayudin Syaf, Victorie Agencie, Kuala Lumpur, hlm. 451-457.

<sup>224</sup> Muaz adalah di kalangan golongan Ansar yang telah membai'ah dirinya dalam Perjanjian Aqabah Kedua. Beliau juga merupakan golongan yang terawal memeluk Islam. Beliau memiliki otak yang cerdas dan berani. Sifat inilah membuatkan beliau sebagai orang yang mahir dalam bidang Fiqh. Beliau meninggal dunia dalam usia muda iaitu lebih kurang 33 tahun. *Ibid*, hlm.165-167.

<sup>225</sup> Mu'awiyah adalah dari keturunan bangsawan. Pada peringkat awal, beliau merupakan seorang yang kuat menentang nabi. Beliau memeluk Islam semasa pembukaan kota Mekah.

Ayat-ayat al-Qur'an ditulis pada pelbagai benda seperti ketul-ketul batu (*ikhtaf*), pelepah tamar (*uslub*), tulang-tulang unta (*aktaf*), kulit (*riqa*), bulu biri-biri yang telah kering dan sebagainya.<sup>227</sup> Ayat-ayat al-Qur'an disusun sama ada secara *tauqifi* ataupun mengikut petunjuk dan arahan dari Rasulullah s.a.w. Telah sabit riwayat menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah membaca beberapa surah al-Qur'an dalam solat dan khutbah Jumaat mengikut susunan ayat-ayatnya yang telah ditetapkan.

Selain daripada pembelajaran al-Qur'an, pembelajaran hadis tidak kurang pentingnya dalam memenuhi keperluan mendidik kaum muslimin sama ada individu ataupun masyarakat. Pembelajaran yang dilaksanakan telah membawa kepada pembukaan institusi pendidikan sebaik sahaja baginda sampai di Madinah.<sup>228</sup> Pembelajaran hadis boleh dikategorikan kepada tiga iaitu pembelajaran secara lisan,<sup>229</sup>

<sup>226</sup> Mereka ialah Saidina Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali.

<sup>227</sup> Ia merupakan susunan ayat dalam setiap surah dan diletakkan perkataan *Bismillah* disetiap permulaan surah. Dalam hal ini Saidina Usman, berani mengubah kedatangan kedudukan sesuatu ayat walaupun telah dimansuhkan kerana tiada siapa yang boleh meminda ayat-ayat tersebut setelah ia diamanahkan oleh Jibril kepada Rasulullah s.a.w. Lihat *al-Itqan*, hlm. 104.

<sup>228</sup> Dikatakan terdapat sembilan buah sekolah telah dibuka di Madinah. Lihat *A Study of Islamic History*, hlm. 74.

<sup>229</sup> Rasulullah s.a.w. telah menggunakan teknik mengulang sehingga tiga kali dan mendengar para sahabat pula membaca apa yang dipelajari. Rasulullah s.a.w. akan bertanya kepada mereka beberapa soalan untuk mengetahui sejauh mana pembelajaran mereka. Lihat Mustafa Azami, *Kajian Metodologi dan Pnenulisan Hadis*, Terj. Engku Ibrahim Engku Ismail, 1989. DBP, hlm. 15.

penulisan<sup>230</sup> dan amali.<sup>231</sup> Hasil pemelajaran tersebut, baginda turut menghantar guru-guru dan pendakwah ke daerah luar Madinah, di samping beberapa orang utusan telah dihantar ke Bir Maunah, Najran,<sup>232</sup> dan Hadramaut.<sup>233</sup>

Di samping itu juga, Rasulullah s.a.w telah menggalakkan para sahabat dan para utusan yang datang ke Madinah, menyebarkan ilmu pengetahuan yang telah mereka pelajari apabila mereka kembali ke negeri masing-masing. Ini dapat dilihat pada Malik bin Hawarith yang telah mengajar ilmu yang diperoleh setelah sampai ke negerinya. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w menggalakkan penyampaian ilmu kepada masyarakat.<sup>234</sup>

Ganjaran pahala akan diberikan kepada para penuntut ilmu dan juga mereka yang berkaitan

---

<sup>230</sup> Surat-surat yang dihantar kepada raja, pemerintah dan gabenor atau individu digolongkan sebagai pembelajaran hadis dalam bentuk penulisan. Ia meliputi persoalan yang berhubung dengan ibadat, muamalat dan sebagainya. Ibid.

<sup>231</sup> Pengajaran melalui amalan Rasulullah s.a.w sendiri seperti wuduk, solat, haji dan sebagainya.

<sup>232</sup> Najran terletak di utara Yaman. Tempat ini subur dengan tanaman. Di sini terdapat pelbagai suku iaitu suku Hamdhan, Bani Harith dan Bani Azran. Kebanyakan penduduk di kawasan ini beragama Kristian. Lihat Mahayuddin Yahya, *Ensiklopedia Islam*, Jil. 3, hlm.78.

<sup>233</sup> Ia merupakan kawasan lembah pantai Selatan Semenanjung Tanah Arab. Kerajaan Saba' dikatakan bermula di sini. Perdagangan merupakan sumber pendapatan utama daerah ini.

<sup>234</sup> Muhammad Mustafa Azmi, *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadis*, Terj. Engku Ibrahim Engku Ismail, DBP, Kuala Lumpur, hlm .20

dengannya.<sup>235</sup> Rasulullah s.a.w mengakui bahawa pembelajaran dan pencarian ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim. Malah al-Qur'an juga menyebut bahawa Allah mengangkat tahap orang yang berilmu pengetahuan ke tahap paling tinggi dan mulia.<sup>236</sup>

Secara tidak langsung pendidikan al-Qur'an dan hadis yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w telah membawa nafas baru terhadap sistem pembelajaran al-Qur'an dan hadis dalam konteks perkembangan ilmu.

Sebagai kesimpulan, pendidikan Islam di Madinah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan Islam. Ia bukan sahaja merangkumi penghayatan tauhid dan ibadah sahaja malah perkembangan ilmu pengetahuan yang lebih meluas. Oleh itu, para sahabat ketika itu berjaya mewujudkan era kegemilangan Islam.

---

<sup>235</sup> Ganjaran kepada penuntut, Rasulullah s.a.w bersabda: *"Sesiapa yang berjalan di suatu jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan jalannya ke syurga dan malaikat-malaikat mengembangkan sayap-sayap mereka dengan gembiranya terhadap orang yang menuntut ilmu dan seluruh penduduk syurga dan bumi, bahkan ikan-ikan di air memohon keampunan untuknya."*

<sup>236</sup> Al-Qur'an, surah al-Mujadalah 58:11. Firman Allah yang bermaksud: *Allah akan meninggikan orang-orang yang berilmu antara kamu dan orang-orang diberi ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat.*

## KESIMPULAN

Pendidikan merupakan asas kemajuan manusia dalam membentuk sebuah masyarakat yang lebih baik. Ia merangkumi aspek yang berteraskan Islam, baik dari segi fizikal dan mental. Penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w di muka bumi ini telah membawa sinar perubahan yang besar dalam proses pendidikan manusia keseluruhannya. Bagi mencapai matlamat kesempurnaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat, konsep pendidikan yang berteraskan al-Qur'an dan hadis perlu diaplikasikan dalam sesebuah masyarakat sama ada aspek spiritual, fizikal, intelektual dan emosi. Ia mampu menjadi ciri-ciri pelengkap ke arah matlamat tersebut dan harus selari dengan pegangan al-Qur'an dan hadis yang menjadi asas kepada pegangan hidup umat Islam.

Pada zaman Jahiliyyah telah memperlihatkan bahawa pendidikan yang diterima hanyalah berkisar tentang kehidupan sekeliling mereka yang berbentuk *al-maddi* (kebendaan) semata-mata. Kedatangan Islam telah memberi perubahan yang besar terutamanya dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis di Tanah Arab. Justeru, Islam tidak mengetepikan hak orang Jahiliyyah dalam aspek pendidikan tetapi hanya menolak amalan orang Jahiliyyah yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Hasil daripada penerapan pendidikan yang berkonsepkan Islam, masyarakat Jahiliyyah telah mengubah corak kehidupan mereka. Ini kerana mereka mula sedar tentang Islam dan pendidikan yang berteraskan Islam telah berjaya memberikan kesejahteraan dalam hidup mereka. Masyarakat Mekah ketika itu mula sedar kepentingan pendidikan Islam dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang gemilang.



Dalam usaha mengembangkan pendidikan yang berteraskan Islam, Rasulullah s.a.w telah menerapkan pelbagai konsep pendidikan Islam seperti *tarbiyyah*, *tadris*, *irsyad*, *inzar* dan *ta'dib* yang merupakan langkah penting dalam membentuk masyarakat yang beriman dan berakhlak mulia. Keperibadian Rasulullah s.a.w turut menjadi landasan *qudwah hasanah* (teladan yang baik) kepada seluruh umat manusia dan merupakan salah satu metodologi pendidikan Islam. Ini dilihat berdasarkan usaha baginda sendiri yang menggunakan pelbagai metodologi pendidikan yang telah mendapat perhatian dan sambutan daripada masyarakat secara keseluruhannya.

Metodologi ini telah berjaya memberikan kesan yang baik terhadap perkembangan pendidikan Islam. Penghayatan tauhid dan ibadah para sahabat serta keperibadian mereka yang mempunyai akhlak terpuji adalah hasil daripada pendidikan yang berteraskan al-Qur'an dan sunah.

Pendidikan pada era Mekah dapat dilihat sebagai titik permulaan kepada pendidikan yang diterima oleh para sahabat. Ia menjadi teras dalam aspek akidah, persoalan keimanan, keesaan Allah, kerasulan nabi serta hari kiamat. Di samping itu juga, pendidikan Islam turut memberi penekanan kepada soal akhlak dalam membentuk keperibadian individu muslim. Pada awalnya, usaha baginda untuk mendidik masyarakat dengan pendidikan Islam telah mendapat tentangan orang Quraisy. Namun, ia sama sekali tidak mematahkan usaha dan semangat Rasulullah s.a.w untuk mengembangkan pendidikan sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Penghijrahan baginda ke Madinah telah menyelamatkan umat dan agama Islam daripada dikecam dan dihina oleh kafir Quraisy. Penghijrahan

ini telah memberi seribu makna kepada masyarakat yang menetap di Madinah. Sewaktu di Madinah, Rasulullah s.a.w telah menggandakan usaha bagi menyebarkan agama Islam dan pada masa yang sama turut mengembangkan pendidikan yang berteraskan ajaran Islam. Baginda telah memberikan penekanan yang lebih kepada aspek ibadah berbanding dengan akidah. Ini kerana para sahabat telah pun mendapat pendidikan yang menekankan aspek akidah semasa di Mekah. Walaupun begitu, baginda masih menerapkan aspek akidah dan muamalah dalam pembelajaran.

Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah berjaya membina beberapa buah institusi masjid sebagai tempat menjalankan ibadah dan juga sebagai tempat aktiviti pembelajaran kepada masyarakat. Antaranya ialah Masjid Nabawi dan beberapa buah lagi masjid di sekitar kota Madinah. Di sini juga terdapat *al-suffah* yang berperanan sebagai tempat pembelajaran selain daripada masjid. Langkah Rasulullah s.a.w. ini adalah untuk mengembangkan lagi syiar Islam dan sekaligus dapat meningkatkan pendidikan yang berkonsepkan Islam.

Pendidikan yang berkonsepkan Islam pada era Madinah telah menunjukkan kesan yang positif. Kesan ini dapat dilihat daripada aspek keperibadian para sahabat dan masyarakat keseluruhannya. Ini adalah kerana pendidikan dan ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w telah berjaya diterapkan ke dalam kehidupan masyarakat.

Pendidikan yang berteraskan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w juga telah berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berakhlak. Kejayaan ini membuktikan kepada kita bahawa

Rasulullah s.a.w dan umat Islam umumnya bersungguh-sungguh mahu mengembangkan pendidikan yang berteraskan Islam. Sesungguhnya usaha murni Rasulullah s.a.w ini adalah bertujuan untuk mengembangkan ilmu Allah dan membawa umat manusia ke jalan yang benar dan seterusnya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Oleh itu, umat Islam pada hari ini seharusnya berusaha untuk mengembangkan pendidikan yang berteraskan kepada ajaran Islam secara menyeluruh. Ini adalah kerana, sejarah telah membuktikan bahawa pendidikan Islam telah berjaya melahirkan sebuah masyarakat yang maju dan bertamadun. Pada masa yang sama juga, melalui pendidikan Islam ini ramai tokoh ilmuwan dalam bidang agama, ekonomi, sains dan sebagainya dapat dilahirkan. Pendidikan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w seharusnya menjadi pedoman kepada kita dan perkembangannya itu seharusnya diteruskan oleh umat Islam pada hari ini.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Abrasyiy, Muhammad al-Athiyyah.1985. *Keagungan Muhammad Rasulullah s.a.w* Terj. Muhammad Tohir, Abu Laila. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Al-Baladhuri, Ahmad bin Yahya.1959. *Futuh al-Buldan*. Mesir: Maktabat al-Tijariyat al-Kubra.
- Al-Faruk, Umar.1976. *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Beirut: Dar al-'Ilm.
- Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah. 1978. *Al-Mustadrak al-Solihin fil Hadith*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Ja'afar Muhammad.1989. *Tarikh Imam al-Muluk*. Jil. 1 Beirut.
- Al-Yaqut, Shabudin Abi Abdullah.1957. *Mu' jam al-Buldan*. Beirut: Dar al-Kitab.
- Abu 'Ala al-Maududi. 1981. *Empat Istilah dalam Islam*. Singapura, Pustaka Nasional.
- Abdullah Basmaeh.1997. *Mustika al-Hadith*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdullah Haji Ishak.1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Hussin.1996. *Nostalgia Masjid an-Nabawi*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdul Majieb.1986. *Lubabun Nuqul fi Asbabun Nuzul*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abdul Halim el-Muhammaady.1984. *Pendidikan Islam Skop dan Matlamatnya*. Jurnal Pendidikan. Bil. Thn.11(1).

- Abu Bakar al-Jazairi. 1996. *Pedoman Hidup Muslim*. Terj. Hasanuddin dan Hafidhudin. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Ahmad Amin. *Fajar Islam*. 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Shalaby. 1975. *Sejarah dan Kebudayaan Nasional*. Terj. Muchtar Yahya. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmadi, Ali Ibn Husayn Ali Ahmadi. 1960. *Makatib al-Rasul*. Mesir: Dar al-Munajir.
- Akram Diya al-Umari. 1989. *Madinah Society*. Terj. Huda Khattab. t.tp. International Islamic Publishing House.
- Ali Hafaz. 1968. *Fusul Min Tarikh al-Madinah al-Munawarah*. Matbaah wa Nasyar.
- Afzalur Rahman. 1992. *Ensiklopedia Sirah*. Terj. Norhayati Mohd Noor. Kuala Lumpur.
- Bukhari Lubis. 1987. *Pujangga Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buti, Muhammad Said Ramadhan. 1983. *Fiqh Sirah*. Terj. Mohd Darus Sanawi. Selangor: Pustaka Fajar.
- Dasuki Haji Ahmad. 1977. *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daif, Shawqi. 1967. *Tarikh al-Adab al-'Arabi*. Mesir: Dar al-Maarif.
- Dewey John. 1910. *Democracy and Education*. New York: Mac Millan.
- Ensiklopedia Indonesia*. 1983. Indonesia: Ikhtiar Baru.
- Fathur Rahman Symsuddin Asyrafi. 1986. *Sistem Pendidikan versi Al-Ghazali*. Bandung: Al-Ma'arif.
- Ghazali bin Basri. 1984. *Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Pendidikan. ABIM. Bil 2. Thn .1.

- Harrel, Herman. 1939. *The Democratic Philosophy of Education*. New York: The Mac Millan Company.
- Hasan Asari. 1994. *Menyingkap Zaman Keemasan Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Hassan Langgulung. 1989. *Pendidikan Islam Suatu Analisa-Psikologikal*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. 1980. *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung: PTAI Maarif.
- Hassan Langgulung. 1991. *Asas-asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ibrahim Hassan. 1986. *Sejarah Islam Menyentuh Bidang-bidang Politik, Agama, Kebudayaan dan Kemasyarakatan*. Terj. Ismail bin Mohd Hassan. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Hudham Bek. *Tarikh al-Tasyrik al-Islami*. Indonesia: IAIN.
- Hussain Mu'nis. 1988. *Tarikh Quraisy*. Makkah: Dar al-Saudiyah.
- Hussain Mu'nis, 1991. *Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hisham, Abd Malik. 1970. *Sirah an-Nabawiyah*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Ibn Khaldun. 1967. *al-Muqaddimah an Introduction to History*. Snyt; M.J Dawood. London. Routledge and Kegan Paul.
- Ibn Qutaybah, Abdullah bin Muslim. 1963. *Uyun al-Akhbar*. Jil 1-2. Mesir. Al-Taba'ah Dar al-Kuttub.
- Ismail Hamid. *Pengantar Kesusasteraan Arab Klasik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Khurshid Ahmad. 1983. *Pesan Islam*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- M. Yunan Nasution. 1977. *Bunga Rampai Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahayudin Haji Yahaya, Ahmad Jelani Halimi.1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Mahmud Syaltut .1984. *Akidah dan Syariah Islam*. Terj. Fachruddin. Jakarta: Bina Aksara.
- Mahmud Qambar. 1989. *Dirasut Fi Usul al-Tarbiyyah*. Dar al-Siqafah.
- Maula, Bak Muhammad Ahmad Jed. 1948. *Qisah al-'Arab*. Mesir: Dar Ahya al-Kutub al-'rabiyyah.
- Mohamad Abdullah Enan. 1979. *Ibn Khaldun his Life and Work*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Mohd Athiyyah al-Abrasyiy. *Ruh al Tarbiyyahwatta'lim*. Kaherah: al-Babiy al-Halabiy.
- Mok Sonn Sang.1988. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Hawkins, Joyce.M. 1997. Kamus Dewan Oxford. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Ibn Khaldun. 1967. *Al-Muqaddimah an Introduction To History*. Sunyt.M.j. Dawood. Routledge and Kegan Paul.
- Imam al-Ghazali.1988. *Ihya Ulumuddin*. Terj. Ismail Yaakun. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ismail Hamid. *Pengantar Kesusastaan Arab Klasik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1997. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. III. Beirut. Dar al-Ihya.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukaram. *Lisanul 'Arab*. Jil. 12. Matb'ah al-Misriyah: Mesir.
- Ibn Sa'ad, Muhammad bin Saad. 1996. *al-Tabaqat Kubra*. Jil. 2. Beirut: Dar ihya.
- Jawad, Ali.1978. *Al-Mufasal fi Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*. Jil. 1, Baghdad: Dar al-Nahdah.
- Kairuddin Haji Muhamamd. 1982. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamarudin Haji Kachar. 1989. *Strategi Penerapan Nilai-Nilai Islam*. Selangor: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mahmud Qambar. 1989. *Dirasut fi Usul al-Tarbiyyah*. Dar al-Saqafah.
- Mohd Abdullah Enan. 1978. *Ibn Khaldun his life and work*. New Delhi: Kitab Bahran.
- Muhammad Mustafa Azami. 1978. *Studies in Early Hadith Literatures*. Indiana American Trust Publications.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buti. 1983. *Fiqh Sirah*. Terj. Mohd Darus Sanawi. Selangor: Pustaka Fajar.
- Muhammad Yasin Mazhar. 1993. *Organisasi Kerajaan pimpinan Rasulullah s.aw*. Terj. Khalil Mohd Zain dan Md Said. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mook Soon Sang. 1988. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman.
- Nabih Akil. 1975. *Tarikh al-Arab al-Qadim fi Asr Rasul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nasaruddin Latif. 1972. *Mekah dan Madinah*. Firma Dewan: Jakarta.
- Osman bin Khalid. 1994. *Kajian Teks Pilihan Kesusasteraan Arab*. Kelang: Dewan Muslimat.
- Omar al-Syaibani. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman. 1978. *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Beirut. Dar al-Marifah.
- Sayyid Qutb. 1978. *Fi Dzilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Shalaby, Ahmad. 1975. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Terj. Muchtar Yahya. Singapura: Pustaka Nasional.
- Shawqi, Ahmad. 1971. *Al-'Asr al-Jahilli*. Dar al-Maarif.



- Sidi Gazalba. 1967. *Masjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Spencer, Herbert. 1906. *Education: Intellectual, Moral and Physical*. William and Nongete.
- Subhi Salleh. 1997. *Kajian al-Qur'an*. Terj. Zainal Abidin Abdul Hadi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Haji Yassin. 1978. *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin. 1998. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tadjah, Muhaimin, H. Sjahminan, Siti Kasrini. 1996. *Dasar-Dasar Kependidikan Islam*. Surabaya: Penerbit Karya Abditama.
- Yaqut, Shahbuddin Abi Abdullah. 1957. *Mu'jam al-Buldan*. Beirut. Dar al-Kitab.
- Yusof Qardawi. *Ibadah dalam Islam*. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islamiah.
- Zawawi Haji Ahmad. 1984. *Kaedah Teknik Pengajaran*. International Book: Kuala Lumpur.
- Zaidan, Jurji. 1967. *Tarikh Tamadun al-Islam*. Beirut: Dar al-Maktabah al-Hayat.
- Zakaria Bashier. 1987. *The Meccan Crucible*. London: FOSIS.